

THE MAY 13 TRAGEDY

A REPORT

THE
NATIONAL OPERATIONS COUNCIL

Price: \$1.00

PENGANTAR

Hari 13 Mei, 1969 akan terchatet di-dalam sejarah kita sa-bagai hari trajedi nasional. Pada hari itu asas perdirian Negara kita telah menerima paluan yang sa-hebat-hebat-nya pernah di-alami dengan meletus-nya rusohan antara-kaum. Mujor-lah Kerajaan telah meng-ambil tindakan yang segera dan tegas, di-bantu dengan setia-nya oleh pihak Tentera dan Polis, maka, dapat-lah pihak berkuasa mengawal keadaan sa-chepat²-nya. Kalau tidak-lah kerana langkah² penchehagan yang telah di-laksanakan dengan segera itu maka sudah tentu-lah seluroh negeri ini terchebor di-dalam mala petaka yang besar.

Ada juga di-antara kita yang memandang bahawa trajedi ini dalam erti-nya bagi diri-nya sendiri. Akan tetapi kepentingan peristiwa 13 Mei jangan-lah hendak-nya di-rasakan oleh beberapa orang saja, bahkan setiap orang dari kita hendak-lah menaruh insaf akan peristiwa ini. Pada hari itu kita di-sedarkan sahebat-hebat-nya bahawa masaalah perkauman di-dalam negeri ini ada-lah suatu masaalah yang amat berat dan segala langkah² yang telah kita ambil di-masa lampau sudah nyata-lah tidak menchukopi.

Pergeseran antara-kaum memang ada, tetapi kita terus menjalankan tugas masing² dengan harapan semoga bahang yang terpasang itu tidak akan meletus. Sejak Merdeka, chara kita hidup di-negeri ini memang berdasarkan fahaman demokrasi dengan segala ke-baikkan yang ada pada-nya, dan juga berdasarkan


sejarah yang membawa kepada perasaan ra'ayat pada hari itu; ia menyatakan apa yang berlaku pada hari yang mengandong trajedi itu dan peranan Angkatan Tentera dan Polis dalam meredakan rusohan dan membawa negeri ini kembali kepada suasana yang dapat di-kawali sechcara tegas oleh Kerajaan; dan akhir-nya, ia menunjukkan jalan ka-arrah mana Negara kita harus bergerak.

Pengajaran yang kita dapati dari kekachauan itu sudah nyata. Negara ini tidak sanggup mengekalkan suatu sistem yang membiarkan sa-barang orang bertutor atau bertindak yang mungkin melagakan satu kaum dengan kaum yang lain. Kalau peristiwa 13 Mei ini hendak di-elakkan daripada berlaku lagi; kalau Negara ini hendak selamat; mesti-lah kita pastikan supaya hal² yang mungkin menimbulkan ketegangan kaum tidak di-pergunakan oleh gulongan² opportunis yang tidak bertanggung-jawab. Kita hanya dapat menjamin hal ini dengan mensharatkan supaya hal² ini tidak dapat di-gunakan oleh penghasut² perkauman dan komunis dan sabversif² yang lain. Oleh itu, perlu-lah kita menyusun suatu peratoran politik yang realistik dan yang mempertimbangkan sa-dalam²-nya akan segala keadaan masharakat dan ekonomi ra'ayat kita dan yang berdasarkan pada suatu asas yang utuh dan bijaksana.

Laporan ini telah di-buat dengan penoh kesedaran bahawa perkara² yang penting tidak boleh lagi "di-sapu ka-bawah tikar" dan bahawa kenyataan² 13 Mei mesti-lah di-sebarkan dengan luas kepada orang ramai. Dan lagi Laporan ini telah di-tulis dengan kesedaran bahawa matlamat kita kepada perpaduan kaum mesti-lah di-hadapi dengan waras-nya dan jalan² lain yang terbuka di-hadapan kita mesti-lah kita hadapi dengan tabah dan penoh tanggung-jawab. Haluan negara kita mesti-lah kita renchanakan dengan usaha² yang ber-satu dari semua gulongan ra'ayat Malaysia yang ta'at setia, dengan usaha² yang tabah dan penoh keper-chayaan.

Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan, sa-lepas pen-chetakan Laporan ini, untok menjemput semua wakil² dari semua gulongan di-negara ini—wakil² dari gulongan politik, ugama, ekonomi dan lain²—untok memberikan sumbangan dalam satu Badan Per-undangan (Consultative Council)—di-mana perkara² yang melibatkan perpaduan negara kita boleh di-binchangkan dengan sa-penoh-nya dan dengan ikhlas dan tidak sa-chara selindung-menyelindungi. Dengan chara ini ada-lah di-harapkan bahawa kita akan men-chapai satu persefahaman di-atas soal² Kebangsaan yang boleh menjamin keamanan, ketenteraman dan perpaduan negara kita pada masa hadapan dan bahawa trajedi 13 Mei tidak akan berlaku lagi.

Saya harap agar semua warga negara Malaysia akan memberi pemikiran yang mendalam terhadap matlamat ini supaya negara Malaysia akan terus menerus maju di-dalam keadaan yang aman dan tenteram.



TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN,
Pengarah Gerakan Negara

KANDONGAN

	MUKA
PENGANTAR	iii
PENDAHULUAN	xi

BAHAGIAN SATU—LATAR BELAKANG SEJARAH

1. Masharakat Malaya Sa-belum Perang ...	1
2. Dasar British Sa-lepas Perang	4
3. Keganasan MPAJA	7
4. Dharurat Tahun 1948	9
5. Kominis Menchuba Lagi	12

BAHAGIAN DUA—TRAJEDI

6. Bimbang dan Churiga	17
7. Konfrontasi di-Pulau	20
8. Perbalahan Kechil	22
9. Politik Perkauman	24
10. Kongsì Gelap dan Politik	29
11. Ketegangan Terpimpin	31
12. Perarakan "Kemenangan"	33
13. Sombong	40
14. Reaksi	42

	MUKA
15. 13 Mei	46
16. Khabar-angin dan Yang Tak Di-sangka	64
17. Gerakan Bersama	71
18. Laporan Meling dan Apa Yang Sa- benar-nya	74
19. Akhbar ² Asing dan Pengikut ² Mao ...	78

BAHAGIAN TIGA—TUGAS MASA DEPAN

20. Halangan ²	83
21. Antara Tiga Jalan	87
22. Démokrasi Berpelembagaan dan Keperi- badian Nasional	89

PENDAHULUAN

Tujuan kertas ini ia-lah untuk membentangkan butir² yang di-ketahui yang membawa kapada dan berkaitan dengan kekacauan kaum yang meletus pada 13 Mei, 1969 di-Kuala Lumpur.

Peristiwa dahshat yang berlaku pada 13 Mei itu ada-lah akibat dari pelbagai perkembangan dalam sejarah negara ini sejak beberapa tahun yang lalu. Antara-nya ia-lah ketiadaan perhubungan terus menerus antara generasi dan tafsiran yang berlainan oleh masing² kaum di-negeri ini terhadap Perlembagaan, hingga membawa kapada bertambah-nya pencherobohan politik oleh kaum² mendatang terhadap beberapa perkara asasi dalam Perlembagaan berkaitan dengan Bahasa Melayu dan kedudukan Orang² Melayu, terutama-nya Fasal² 152 dan 153; hasutan, kata² lanchang dan kelakuan yang provokatif dari ahli² dan penyokong² parti² perkauman dalam masa Pilihan Raya baru² ini; peranan yang di-main oleh Parti Komunis Malaya dan kongsi² gelap yang membangkitkan perasaan perkauman dan kechurigaan; dan kegelisahan, kemudian-nya kehampaan, orang² Melayu dalam suasana yang memang sedia di-mendongi perasaan saling tidak perchaya memperchayai antara Melayu/China, dan bertambah pula di-masa akhir² sa-lepas pilihan raya dengan berbagai chachian perkauman dan anchaman terhadap kesejahteraan dan kehidupan masa depan mereka, di-tanah ayer mereka sendiri.

Bahagian Satu

LATAR BELAKANG
SEJARAH

SATU

MASHARAKAT MALAYA SA-BELUM PERANG

Wujud-nya keadaan hidup pelbagai kaum di-negara ini sekarang ada-lah hasil dari dasar ekonomi British sa-belum perang, yang menggalakkan kemasokan orang² bukan Melayu beramai². Orang² China dan India itu di-anggap, pada masa itu, sa-bagai boroh berdagang, pergi dan datang mengikut pasang dan surut-nya ekonomi Tanah Melayu. Tetapi sejak tahun² empat pulohan kurun ini mereka mulai tinggal terus beramai². Kekayaan ekonomi Tanah Melayu dan sikap murah hati dan sabar orang² Melayu yang telah di-pergunakan oleh Kerajaan Penjajah menyebabkan orang² China dan India menchurah² datang dan keadaan demikian terus menerus berlaku hingga tahun² tiga pulohan.

Satu sifat yang nyata dalam kehidupan di-Tanah Melayu pada masa itu (hingga ka-hari ini juga, kechuali kurang sedikit) ia-lah pemisahan kebudayaan oleh masing² kaum—sementara orang² Melayu terus dengan adat resam-nya yang turun temurun, pehak berkuasa penjajah tidak menjalankan apa² usaha untok membimbing kaum² mendatang yang semakin bertambah itu ka-arrah chara hidup anak negeri yang mereka datangi. Sa-balek-nya, dalam kebanyakan hal, kaum² mendatang itu telah di-tadbirkan berasingan dan mereka hidup bersendirian. Ini-lah satu puncha sikap yang terdapat di-kalangan sa-tengah² kaum bukan-Melayu sekarang

dan kesulitan² yang sedang di-hadapi untuk mewujudkan sa-buah negara yang bersatu padu.

Orang² China di-Tanah Melayu bukan tidak mempunyai "kesedaran politik". Tetapi bagi kebanyakan mereka dorongan politik itu di-pengaruhi dari luar. Mereka mengambil bahagian dan memberi banyak sumbangan, sa-bagaimana kebanyakan China² Seberang Laut Nanyang terhadap Revolusi 1911 di-Negeri China dahulu. Dalam tahun 1912, Kuomintang menubuhkan satu chawangan di-Tanah Melayu. Tidak lama kemudian chawangan² lain tumbuh sa-bagai chendawan, tetapi beberapa tahun kemudian semua-nya pindah bergerak di-bawah tanah di-sebabkan tentangan dari pihak² berkuasa Penjajah. Sa-lepas 1923, Pertubohan Kuomintang dapat di-pengaruhi kuat oleh Kominis dan menjelang tahun 1926 daayah pemberontakan China semakin bertambah banyak-nya. Kegiatan² Kuomintang di-Malaya jelas membayangkan perkembangan di-Negeri China.

Dalam tahun 1927 Generalisimo Chiang Kai Shek bertindak menghapuskan anasir² kominis di-kalangan Kuomintang. Ini menyebabkan pelampau² Kominis di-Tanah Melayu, dengan bantuan lima orang wakil dari Parti Kominis China yang mendarat di-Tanah Melayu pada akhir 1927, memisahkan diri daripada pertubohan pusat lalu membentok satu pertubohan mereka sendiri.

Langkah ini besar akibat-nya, bahkan merupakan satu peristiwa bersejarah dalam perkembangan Parti Kominis Malaya, yang di-kuasai oleh orang² China.

Dalam masa perang Dunia, orang² Melayu mulai sedar bahawa kemasokan orang² luar yang banyak itu, dan perhubungan mereka dengan kepentingan ekonomi British, membawa kesan burok terhadap kedudukan politik orang² Melayu. Kuasa Raja² Melayu sedang di-kikis sedikit demi sedikit untuk mengadakan pentadbiran pusat. Malang-nya semangat nasionalisma orang² Melayu sa-belum perang kurang mendapat sokongan ramai dan tidak berkesan di-sebabkan perasaan kedaerahan mereka. Kesedaran politik yang nyata di-kalangan orang² Melayu hanya timbul sa-lepas perang.

DUA

DASAR BRITISH SA-LEPAS PERANG

Sa-lepas perang, Kerajaan British berasa dasar mereka di-Tanah Melayu hendak-lah di-ubah dan di-perbaharui supaya sesuai dengan zaman "moden". Mereka chuba menchantumkan Negeri² Melayu dan Negeri² Selat Pulau Pinang dan Melaka menjadi satu yang di-namakan Malayan Union untuk menggantikan pentadbiran Negeri² Melayu sa-belum perang yang berjalan berasingan yang di-anggap oleh mereka sa-bagai tidak kemas. Ranchangan itu mengakibatkan penarikan balek dasar penjajah sa-belum perang yang mengaku hak politik orang Melayu. Ranchangan ini melibat dua perkara. Pertama, bentok pentadbiran terpaksa di-satukan-nya, dengan akibat melemahkan kedaulatan Raja² Melayu; kedua, orang² Melayu akan hilang kedudukan-nya yang di-dapati sa-belum perang, ia-itu identiti politik mereka sa-bagai Melayu kerana keistimewaan kewarganegaraan akan di-buka untuk semua orang (kechuali warganegara Jepun) tidak kira bangsa. Mereka yang lahir dan bermastautin di-Malayan Union akan terjumlah dalam gulongan politik yang sama. Kertas Puteh British mengenai perkara ini menerangkan, antara lain, "peringkat-nya sudah tiba sekarang bagi sistem pentadbiran (di-Malaya) di-mudahkan dan di-perbaharui."

Sir Harold MacMichael, Wakil Khas Kerajaan British, di-hantar ka-Tanah Melayu bagi mendapatkan persetujuan tiap² Raja Melayu menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Inggeris, untuk mewujudkan Malayan Union.

Di-hadapi oleh anchaman ini semangat Kebangsaan orang² Melayu bangkit dengan serta merta. Orang² Melayu, yang kian sedar akan kelemahan ekonomi-nya dan persaingan "politik-ekonomi" di-sekitar mereka yang di-timbulkan oleh kaum mendatang, bimbang mereka akan di-tenggelamkan di-bidang² politik dan ekonomi dalam tanah ayer mereka sendiri oleh orang² bukan Melayu. Orang² Melayu "dulu-nya miskin dalam negeri yang miskin, sekarang menjadi miskin dalam negeri yang kaya," dan mereka terasa benar yang kedudukan mereka dalam bahaya oleh anchaman terhadap keselamatan politik mereka. Di-dorong oleh perkembangan nasionalisma Asia di-sekeliling mereka, khusus-nya di-Indonesia dan India, orang² Melayu berazam untuk menentang ranchangan British hendak membentok "Malayan Union". Mereka bimbang mereka akan di-perintah oleh kaum China yang ta'at setia-nya kapada Tanah Melayu maseh mereka ragu. Sa-bagaimana telah di-nyatakan tadi, kaum mendatang itu tidak ada pertalian di-antara kaum² anak negeri dan kebudayaan tempatan dalam kehidupan mereka. Bagi orang² Melayu, ta'at setia kapada Sultan dan negeri ada-lah perkara tradisi; bagi orang China pula, pada

pandangan orang Melayu, "ta'at setia" bererti ta'at setia dari segi politik terhadap negara—yang berhubungan dengan kera'ayatan, keuntungan politik dan penguasaan.

Natijah dari tentangan meluas dari orang² Melayu, rancangan *Malayan Union* pun di-gugorkan dalam tahun 1948. Perjanjian MacMichael di-mansokhkan dan di-ganti dengan penubohan Persekutuan Tanah Melayu dengan tujuan Persekutuan ini akan merupakan langkah ka-araf pemerentahan sendiri. UMNO, sa-bagai parti yang menentang Rancangan MacMichael, menjadi lambang perpaduan Melayu. Parti ini bersetuju pada dasar-nya memberi hak kera'ayatan kepada orang² bukan-Melayu yang benar² ta'at setia kepada negara dan sanggup mengangkat sumpah ta'at setia terhadap-nya. Sunggoh pun ada persetujuan untuk memberi hak² kewarganegaraan kepada orang² bukan Melayu, tetapi maseh ada rasa tidak puas hati di-kalangan orang² bukan Melayu yang terus menganggap bahawa tolak ansor ini tidak menchukopi.

TIGA

KEGANASAN MPAJA

Tidak lama sa-belum Singapura jatuh ka-tangan Jepun pada awal Perang Dunia Kedua, Parti Kominis Malaya (MCP) yang sudah menerima sedikit sa-banyak latehan dari Inggeris, telah di-tempatkan di-tanah besar sa-bagai pasokan pertahanan menentang pendudukan Jepun. Gerila² ini kemudian-nya menubohkan pasokan² penentang yang mereka namakan "Tentera Bebas Anti Jepun Rakyat Malaya". (MPAJA). Kebanyakan ahli² pertubohan ini terdiri daripada orang² China, dan lama kelamaan dalam masa pemerentahan Jepun itu, organisasi ini bertambah besar kerana di-sertai oleh lain² kumpulan penentang. Sa-bagai gerila, Tentera MPAJA ini tidak merupakan ancaman berat kepada Jepun.

Walaupun pada lahir-nya Parti Kominis Malaya bekerjasama dengan pehak bersekutu, tetapi sa-benar-nya mereka membuat persediaan untuk mengukuhkan MPAJA sa-bagai satu angkatan bersenjata yang kekal dengan tujuan hendak merampas kuasa di-Malaya sa-telah Jepun di-kalahkan oleh pehak bersekutu nanti. Sa-telah Jepun menyerah diri, MCP dan MPAJA pun keluar lalu mengambil pemerentahan. Sa-baik muncul sahaja dari hutan dalam bulan Julai, 1945, mereka pun melakukan penganiayaan di-sana

sini konon-nya terhadap orang² yang telah melakukan kesalahan jenayah kepada ra'ayat sa-lain daripada mereka yang bersubahat dengan pemerintah Jepun.

Kemunchulan orang² China yang bersenjata memakai uniform MPAJA telah mengubah sikap beberapa kumpulan masharakat China kepada satu sikap yang di-anggap oleh orang² Melayu sa-bagai sifat² bongkak dan biadap. Sa-lama tiga bulan, dari mula Jepun menyerah diri hingga Inggeris mengambil kuasa sa-mula, mereka mengadakan perbicharaan² sendirian melakukan kezaliman, membunuh ramai orang² Melayu dan China dan mengancham seluruh penduduk di-mana² mereka bermaharajalela. **Perbuatan aniaya dan pembunuhan ramai orang² Melayu yang tidak berdosa dalam masa yang sengkat MPAJA berkuasa itu ada-lah peristiwa yang terpaku di-hati dan tidak akan dapat di-lupakan oleh orang² Melayu tentang bahaya China berkuasa.** Kezaliman² tersebut memunchak kepada pergadohan yang besar dan sengit apabila orang Melayu bertindak-balas terhadap orang China di-kawasan² luar bandar.

EMPAT

DHARURAT TAHUN 1948

Parti Kominis Malaya yang kebanyakan terdiri daripada orang² China kemudian memulakan pemberontakan pada akhir Perang Dunia Kedua dengan tujuan hendak menggulingkan pehak-berkuasa dan mengambil alih teraju pemerentahan negeri.

Untok mengatasi anchaman ini, keadaan Dharurat pun di-umumkan pada 20hb Jun, 1948. Keganasan kominis yang meletus itu ia-lah satu perchubaan terang²an hendak merampas kuasa, di-beri semangat dan di-arahkan oleh Cominform. Pemberontakan ini telah di-da'ayahkan dengan chara yang bijak dan ber-sifat perkauman, dan tidak-lah menghiraukan apabila sa-bahagian besar daripada masharakat China memberikan sokongan. Sa-balek-nya kebanyakan daripada anggota² pasokan keselamatan terdiri daripada orang² Melayu. Ini-lah gerakan orang² Melayu mensifatkan keganasan kominis itu sa-rupa dengan anchaman orang China. Orang² China, sa-balek-nya, sa-telah sengaja mengasingkan diri dari kebudayaan dan adat resam tempatan, tidak pula merasa terikat kepada negeri ini. Sikap ini sentiasa di-churiga² oleh orang² Melayu.

Sementara itu, Kerajaan sedar bahawa penduduk² negeri ini mesti-lah di-satukan menjadi sa-bagai bangsa

Malaya yang tunggal supaya dapat menentang ancaman dari China Kominis. Alat² sebaran 'Am telah di-gunakan sa-penoh-nya untuk meneruskan konsep satu bangsa Malaya. Kejayaan ini pada mulanya agak terbatas. Antara 1949 dan 1951, usaha² Kerajaan Inggeris untuk menggalakkan orang² China masuk berkhidmat dalam Polis tidak begitu berjaya: Hanya 200 orang pemuda China tampil kahadapan. Apabila Kerahan Tenaga Rakyat (National Service) di-kuatkuasakan pada tahun 1950, ramai orang² China dan India memilih untuk meninggalkan negeri ini. Dari bulan Februari sampai Ogos, 1951, lebih daripada 10,000 pemuda China lari ka-Negeri China untuk mengelakkan panggilan berkhidmat. Keadaan ini menambahkan lagi kehampaan orang² Melayu malahan menyebabkan beberapa tegoran² rasmi. Mendiang Sir Henry Gurney pernah mengatakan.

"Perasaan kechewa telah timbul di-kalangan semua masyarakat lain tentang keengganan orang² China memberi pertolongan. Mereka (orang² China) hidup bersenang lenang dan menumpukan tenaga sa-mata² untuk menchari kekayaan"

Pada tahun 1952, perhubungan yang kedua untuk mengambil 2,000 orang pemuda China, gagal lagi walaupun Persatuan China Malaya (MCA) telah menawarkan hadiah antara \$50 hingga \$300 kepada tiap² rekrut China dalam masa lathen-nya. Walau bagaimana pun,

tidak-lah sa-harus-nya di-lupakan bahawa ada juga beribu² orang China dari semua lapisan hidup, terutamanya mereka yang bertugas dalam perkhidmatan 'awam yang telah berdiri tegoh di-belakang Kerajaan serta memberi sumbangan yang besar bagi menamatkan Dharurat.

LIMA

KOMINIS MENCHUBA LAGI

Semenjak di-usir ka-bawah tanah beberapa tahun yang lalu, Parti Kominis Malaya sa-bagai satu kuasa ganas telah menyembunyikan kuku-nya. Anggota-nya bagaimana pun tidak putus harapan untuk merebut kuasa. Dalam tahun² kebelakangan ini, mereka dengan senyap² telah melengkapkan diri untuk chergas sa-mula dalam politik. Kegiatan² MCP di-jalankan dengan tujuan dan helah (strategy) yang pasti, ia-itu hendak melemahkan negara dengan mengambil kesempatan penuh dari apa sahaja perkara yang mudah menyinggong perasaan dan menimbulkan pertelingkahan, terutama sa-kali soal² ekonomi dan perkauman, dalam proses jangka panjang untuk "melemahkan". Berikut ini ia-lah beberapa chontoh-nya:

- (i) Pada tahun 1967, ketika mata wang lama diturunkan nilai-nya, ejen² Mao yang di-ketahui menggunakan hal itu untuk menyebarkan propaganda² anti-penurunan nilai mata wang, mengadakan tunjok² perasaan haram dan menghasut supaya orang ramai jangan berpuas hati. Mereka pileh Pulau Pinang sa-bagai sasaran, kerana suasana perkauman yang sangat mudah tersinggong ujud di-situ. Kepintaran mereka menggunakan keadaan itu telah men-chetuskan pertemporan China-Melayu yang

merebak luas pada 24hb November, 1967, mengakibatkan kematian beberapa orang² ramai lagi chedera, dan beberapa buah rumah dan kenderaan terbakar. Berikutan dari peristiwa² ini, suasana churiga dan gelisah memendongi fikiran pendudok² hingga beberapa lama.

- (ii) Pada pertengahan 1968, tiga belas orang penghianat negara—dua Melayu dan sa-belas China—telah di-kenakan hukuman mati kerana kegiatan mereka menghianati negara dalam masa konfrontasi. Ejen² Mao pun memulakan kempen propaganda besar²an menyebelahi sa-belas orang pemuda China yang di-hukum itu, dengan membangkitkan perasaan² perkauman dan peri kemanusiaan. Bagitu berkesan kempen propaganda itu sa-hingga bukan sahaja ia menimbulkan sokongan orang² China tempatan tetapi juga menarek simpati dunia. Sa-lain daripada rayuan² oleh ketua² kaum tempatan, pemimpin keristian Pope juga menghantar kawat kapada Perdana Menteri, merayu atas nama peri kemanusiaan, supaya hukuman bunuh itu jangan di-teruskan. Perasaan orang ramai di-Malaysia menjadi tegang, dan pergaduhan antara kaum yang dahshat hanya telah di-elakkan melalui usaha Perdana Menteri yang menyembahkan kapada Duli² Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Perak meminta

supaya hukuman mati ka-atas kesemua tiga belas orang itu di-ubah kapada hukuman penjara sa-umor hidup.

- (iii) Pada 24hb April, 1969, kira² dua minggu sa-belum Pilehan Raya Umum, sa-orang pekerja parti UMNO telah di-bunuh oleh anasir² sabversif di-Pulau Pinang. Anasir² ini, yang di-ketahui mempunyai hubungan dengan Mao, pada ketika itu sedang giat menghasut supaya pilehan raya umum itu di-pulaukan. Keadaan tegang antara kaum telah di-marakkan hingga menjadi demikian hangat. Pertemporan yang dahshat hanya dapat di-elakkan pada akhir-nya apabila pemimpin² UMNO mengarahkan penyokong² mereka supaya mengkebumikan si-mati itu dengan senyap² dengan demikian tidak memberi anasir² Mao itu peluang untuk menimbulkan pergadohan kaum.

Bahagian Dua

TRAJEDI

ENAM

BIMBANG DAN CHURIGA

Shak wasangka antara kaum China dengan Melayu memang sudah lama tersirat dalam sejarah negara ini yang kebelakangan. Berbagai jenis kekachauan kaum telah terjadi. Tanda² yang dapat di-galor menunjukkan kejadian² besar biasa-nya berlaku di-kawasan yang kebanyakan penduduk-nya terdiri dari bangsa China di-mana di-dapati gerakan² kongsi gelap. Kebanyakan daripada pergadohan² itu tidak dapat tidak bermula dengan pertemporan antara kongsi gelap dengan pemuda² jahat Melayu.

Ketika Kerajaan United Kingdom hendak menganugerahkan taraf Bandar Raya kepada Pulau Pinang, suasana gelisah dan churiga di-antara orang² China dengan Melayu sudah sedia ada. Keputusan kerajaan Inggeris itu di-sambut dengan berbagai² sikap. UMNO Pulau Pinang, atas sebab² politik, mengambil keputusan tidak akan mengambil bahagian dalam perayaan 100 tahun dan perayaan taraf Bandar Raya itu. Akibat-nya, tersebar-lah khabar² angin Georgetown mengatakan konon-nya orang² Melayu akan menyekat dan chuba menyuraikan perarakan itu.

Perarakan itu bermula pada pukul 10.30 pagi, 2hb Januari, 1957 tanpa peserta² Melayu. Berita angin bertiuip di-kalangan peserta² sa-panjang, perarakan itu

mengatakan kekachauan akan berlaku. Sejurus kemudian kenderaan polis yang mengepalai perarakan tersebut telah di-panggil untuk menyiasat satu laporan di-tempat lain. Kenderaan itu berpatah balek melalui perarakan tersebut ka-belakang, dan ini telah di-salah tafsirkan oleh orang² China yang mengambil bahagian dalam perarakan sa-bagai tanda bahawa orang² Melayu telah menyerang di-sabelah belakang perarakan itu. Ramai daripada mereka yang mengambil bahagian itu pun dengan serta merta menggulong bendera² mereka lalu memecah²kan satu kenderaan berhias untuk menggunakan kayu²-nya sa-bagai senjata, sementara yang lain²-nya masok ka-rumah² di-sepanjang jalan perarakan itu dan melengkapkan diri mereka dengan senjata² seperti parang pemotong daging, kapak dan lain².

Oleh kerana keadaan sudah menjadi tersangat tegang Polis yang bertugas pun mula menyuraikan perarakan itu. Tetapi, sa-kumpulan lebih kurang 50 orang China, sambil bersurai, mengejar beberapa orang Melayu ka-sa-buah rumah yang berhampiran. Sa-orang Inspektor China yang bertugas, ketika chuba mempertahankan orang² Melayu itu, mendapat chedera kena kapak di-kepala-nya dan terpaksa menembak, mengakibatkan sa-orang China mati dan sa-orang China yang lain chedera. Akhir-nya kumpulan itu bersurai apabila Pegawai Penjaga Daerah Polis (O.C.P.D.) sampai di-tempat itu dengan satu pasukan polis.

Berikutan dari peristiwa terpenchil itu, beberapa kejadian serang menyerang dan pergadohan kechil telah di-laporkan. Di-antara 2hb dengan 8hb Januari, 1957, empat orang telah terbunuh dan 48 chedera.

TUJOH

KONFRONTASI DI-PULAU

Pertelingkahan dan perseteruan memang sentiasa ada di-antara kaum² China dengan Melayu di-Pangkor. Di-antara samseng² China, khusus-nya anggota² kongsi gelap, dan samseng² Melayu di-pulau itu, yang di-ketahui mengutip duit perlindungan, tidak ada per-hubongan baik.

Dengan latar belakang ini, satu pergaduhan telah terjadi berikutan dari pertengkaran di-antara sa-orang China dengan sa-orang pemuda Melayu di-Sungai Pinang pada 1hb Mei, 1959. Peristiwa itu merebak membawa kepada pertentangan dan pertengkaran antara orang² China dengan Melayu. Tiga orang Melayu telah chedera dan banyak harta telah musnah. Tidak beberapa lama kemudian, lebih kurang 20 orang Melayu bersenjata pisau dan parang mara untuk ber-semuka dengan sa-kumpulan kira² 30 orang China yang juga lengkap dengan bermacam senjata. Mujor-lah dengan ketibaan polis ketika itu satu lagi per-temporan besar telah dapat di-elakkan.

Pada 2hb Mei, 1959, Imam di-tempat itu memanggil orang Melayu bermeshuarat di-masjid untuk meran-changkan langkah² mengawal keselamatan. Melihatkan kumpulan itu, sa-ramai kira-kira 60 orang China dengan segera melengkapkan diri dengan senjata² seperti parang, kayu runching dan botol² dan mula

berkumpul lebih kurang 20 ela dari masjid itu dengan chara yang mengancham. Orang² Melayu itu pula, di-pehak mereka, terus bekejar pulang ka-rumah masing² untuk mensenjatai diri-nya dengan parang, batu dan botol. Dalam pertemporan itu, sa-buah kongsi China di-situ telah di-bakar dan hangus seluruh-nya, bagitu juga enam buah lagi rumah kepunyaan orang China yang berhampiran dengan masjid. Ini telah menambah-kan kemarahan orang China lalu mereka membalas, bersudahan dengan sa-orang Melayu mati dan lima lagi chedera. Pihak China mengalami satu kematian dan 2 orang chedera. Kumpulan² samseng kongsi gelap merayau² di-merata pulau itu, menyerang beberapa orang Melayu dan memusnahkan banyak harta benda. Suasana di-bandar² dan kampong² yang berdekatan dengan Pangkor telah turut tegang tetapi tindakan yang tegas dan keras dari pihak² berkuasa telah menjauhkan keadaan yang lebih burok.

Perintah berkurong di-istiharkan pada 3hb Mei, 1959, menyekat orang² daripada meninggalkan atau masok ka-Pulau Pangkor. Beberapa kepala samseng telah di-tangkap dan pelbagai senjata banyak di-dapati. Jawatan-kuasa² Muhibbah pun di-bentok dan peron-daan Polis di-perhebatkan, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan beberapa Menteri lain telah melawat ka-Pulau itu, menasehati penduduk²nya supaya bertenang.

LAPAN

PERBALAHAN KECHIL

Kekachauan kaum di-Bukit Mertajam ini terchetus akibat suatu perkelahian kechil di-pasar Bukit Mertajam pada pagi 11hb Julai, 1964. Sa-orang pekerja Melayu di-pasar itu telah di-pukul dengan changkol oleh sa-orang penjaja sayur bangsa China berumur 15 tahun di-sebabkan satu pertengkaran yang kechil. Apabila pekerja Melayu itu pergi ka-pejabat ketua-nya, hendak mengadu, mengenai perkara itu, kira² 40 orang China telah munchul. Tiga daripada-nya masok ka-pejabat itu lalu menyerang pekerja pasar itu.

Pekerja Melayu itu telah tidak puas hati dengan tindakan Polis. Di-iringi oleh beberapa orang pegawai Parti UMNO, dia telah membuat berbagai perhubungan untuk memberitahu Pengerusi Majlis Daerah dan Pegawai Daerah mengenai kejadian itu, tetapi kedua²-nya tidak dapat di-chari. Pukul 10.00 pagi esok-nya baharu-lah pekerja tersebut dapat membuat aduan kepada Pengerusi Majlis Daerah. Menjelang waktu itu keadaan tegang antara kaum telah bertambah merunching. Sa-tengah jam kemudian terjadi-lah pertemporan di-antara lebeh kurang 30 orang Melayu yang tidak bersenjata dengan orang² China di-pasar Bukit Mertajam, mengakibatkan sa-orang China dan sa-orang Melayu chedera. Orang Melayu yang chedera itu telah mati pada esok-nya. Berikutan dari peristiwa ini,

beberapa kejadian serang menyerang serta bakar membakar berlaku di-daerah Bukit Mertajam. Sa-orang China terbunuh dan beberapa yang lain chedera.

Serangan ka-atas pekerja Melayu itu yang juga menjadi pegawai Bahagian UMNO tempatan, telah di-anggap oleh sa-tengah² pelampau Melayu sa-bagai satu chabaran terhadap penduduk Melayu. Perasaan dendam dan marah naik dengan chepat-nya. Bagi menchegeh pengachau² daripada menyalah-gunakan keadaan tersebut, perentah berkurong pun di-kenakan bagi seluroh daerah itu pada 14hb Julai, 1964, berlanjutan sa-lama 10 hari kemudian. Beberapa orang telah di-tahan kerana terlibat dalam kekachauan itu.

Tidak ada bukti yang menunjukkan peristiwa itu telah di-dorong atau di-pergunakan oleh mana² parti politik atau oleh anasir² subversif. Bagaimana pun, ada juga di-ketahui ejen² kongsi gelap telah mengambil kesempatan dengan menakut²kan penduduk tempatan bagi mengutip "duit perlindungan".

SEMBILAN

POLITIK PERKAUMAN

Dalam sa-panjang, kempen² pilehanraya itu, beberapa chalun yang tidak bertanggung-jawab telah menggunakan soal² perkauman. Perbuatan mengapi²kan perasaan perkauman chukup ternyata dalam ucapan² mereka untuk memanching undi dan sokongan. Opportunis² ini terdiri dari satu pehak pelampau yang telah memberi gambaran yang salah serta mengancham Fasal 153 dalam Perlembagaan dan menakut²kan orang² Melayu bahawa mereka akan di-kuasai oleh kaum² bukan Melayu. Yang lebeh melampau lagi ia-lah pehak² yang mempersoalkan hak² Melayu dari segi sejarah serta tentang kedudukan mereka sebagai bumi-putra Tanah Melayu.

Chara memikat yang merbahaya ini oleh mereka yang beruchap di-perhimpunan² pilehanraya dapat di-kesani dari perbezaan soal² yang di-perberatkan dalam ucapan² dalam lain bahasa. Uchapan² kepada para pendengar yang berbahasa Inggeris dan Melayu berbedza dengan pidato² untuk para hadirin yang bertutur bahasa China atau Tamil. Teknik yang serupa juga di-gunakan dalam penerbitan risalah² dan manifesto yang di-keluarkan kepada umum. Naskhah² bukan Inggeris (vernacular) di-susun khas untuk mengapi²kan perasaan perkauman.

Berulang² kali di-ungkit² konon-nya orang² Melayu di-beri keistimewaan dalam jawatan² Kerajaan sehingga menyingkirkan orang² Bukan-Melayu dan orang² Melayu di-katakan menguasai Perkhidmatan Pentadbiran dan perkhidmatan beruniform, terutama-nya dalam Bahagian Satu Perkhidmatan Kerajaan.

Ada-lah menarek sekali di-sini jika di-bandingkan tudohan² itu dengan statistik dan jumlah pegawai² kanan Kerajaan mengikut kumpulan kaum di-negeri ini.

Angka² mengendi Pegawai Kerajaan Bahagian I mengikut kaum, sa-bagaimana terdapat pada 1hb November, 1968

Jumlah	...	3,398 (tidak termasuk Tentera dan Polis)
Melayu	...	1,142—32.26%
Bukan-Melayu	...	2,252—63.74%

Perkhidmatan Pentadbiran.

Jumlah	...	1,221
Melayu	...	706—57.8%
Bukan-Melayu	...	515—42.2%

Perkhidmatan Ikhtisas (tidak termasuk Pelajaran)

Jumlah	...	1,998
Melayu	...	385—19.2%
Bukan-Melayu	...	1,613—80.8%

Pegawai ² Pelajaran		
Jumlah	...	173
Melayu	...	51—29.9%
Bukan-Melayu	...	122—70.1%

Polis (angka² yang mutlak tidak di-beri atas sebab² keselamatan)

Melayu	...	38.76%
Bukan-Melayu	...	61.24%

Angkatan² Tentera (angka² yang mutlak tidak di-beri atas sebab² keselamatan)

Melayu	...	64.5%
Bukan-Melayu	...	35.5%

Dalam Bahagian² lain Perkhidmatan Kerajaan dan Badan² Berkanun, jumlah pegawai² Melayu jauh kurang-nya apabila di-bandingkan dengan ramai-nya pegawai² Bukan-Melayu, kechuali di-peringkat² rendah Tentera dan Polis, di-mana orang² bukan-Melayu telah mengelak daripada memasoki-nya.

Angka² di-atas menunjukkan betapa besar-nya penyertaan orang² bukan-Melayu dalam bidang² yang di-katakan di-kuasai oleh Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan. Tudohan² konon-nya orang² bukan-Melayu telah di-singkirkan di-anggap oleh orang² Melayu sa-bagai sengaja hendak putar belitkan. **Orang² Melayu** yang telah pun merasa tersisih dari bidang ekonomi negara ini, mula merasa kedudukan mereka dalam

perkhidmatan 'awam pun terancham. Ahli² politik bukan-Melayu tidak langsung menyebut sikap yang hampir menggalang terhadap orang² Melayu yang di-amalkan oleh orang² bukan-Melayu di-sabahagian besar dalam lapangan² perniagaan umum dan dalam bidang ekonomi di-negara ini.

Perdana Menteri memberi amaran terhadap hasutan² yang terang² menyemarakkan perasaan perkauman sepanjang kempen pilihanraya itu. Dalam ucapan-nya di-Kuala Pilah pada 15hb April beliau telah mengingatkan Parti Tindakan Demokrat (DAP) supaya jangan menyentuh Fasal 153 dalam Perlembagaan. "Jika mereka (DAP) chuba berbuat begini, tentu sa-kali akan timbul kekacauan, dan kemakmoran yang kita nekmati sekarang akan lenyap".

Sa-tengah ahli² pidato bukan-Melayu yang bersifat perkauman di-dalam pilihanraya yang lepas sentiasa menyuchok² perasaan orang² bukan-Melayu untuk benchikan polis² dan pegawai² Melayu, dengan tuduhan bahawa polis² dan pegawai² Melayu telah berat sa-belah dalam menjalankan undang². **Ahli² pidato ini-lah yang sa-benar-nya bertanggung-jawab di-atas hilang-nya perasaan hormat terhadap Undang² dan Pemerintah di-kalangan sa-tengah² golongan bukan-Melayu.**

Kempen yang panjang itu telah banyak merosakkan harmoni antara kaum di-Malaysia. Parti² politik yang bersifat "pelampau" tidak berhenti² menekankan perkara "bumiputra" pada sa-belah pihak dan kemiskinan

orang² Melayu di-sabelah pehak lagi. Ini merupakan suatu perkembangan yang merbahaya dalam masharakat kita yang jelas terbahagi mengikut landasan keturunan kebudayaan dan ekonomi. Ini telah menimbulkan ketegangan di-kalangan sa-bahagian besar penduduk Melayu termasuk mereka yang liberal. Gambaran yang salah juga telah timbul terhadap sa-bahagian daripada orang² bukan-Melayu, yang ta'at setia mereka kepada negara ini tidak lagi di-churigai.

SEPULOH

KONGSI GELAP DAN POLITIK

Dengan ketibaan gulongan pertama orang² China yang berpindah ka-negeri ini pada abad yang lepas, kongsi² gelap mula-lah berchambah di-sini. Dengan ketiadaan susunan asas (infrastructure) yang kuat mengenai undang², keselamatan dan kewangan, kongsi² gelap telah memainkan peranan penting di-tempat² orang² mendatang. Peranan yang di-mainkan oleh kongsi² gelap ini makin meluas dan kegiatan politik mereka yang mula² di-rekodkan, berlaku agak² pada pertengahan abad yang lepas apabila mereka menchuba menimbulkan kekachauan di-negeri Perak. Ini menyebabkan Inggeris champor tangan dan Perjanjian Pangkor ditandatangani dalam tahun 1874. Kongsi² gelap telah dan terus memainkan peranan yang merosakkan. Mereka terlibat dalam muslihat² "perlindungan", pemerasan, menchulik, menyamun dan lain² kejahatan.

Sudah menjadi kebiasaan bagi kongsi² gelap ini menguasai sa-tengah² gulongan masharakat China. Kegiatan² mereka di-perhatikan, makin menjadi² dalam tahun² kebelakangan ini. Dalam masa pilehanraya umum yang lepas, kongsi² gelap mempengaruhi gerak langkah politik beberapa orang chalun. Di-satengah² kawasan, hampir² mustahil bagi chalun² hendak berkempen tanpa membayar "wang perlindungan". Paksaan dan ugutan merupakan chara² yang biasa di-gunakan

324132000

bagi mendapatkan sokongan semasa kempen pilihanraya di-beberapa kawasan, terutama sa-kali Kuala Lumpur. Sa-tengah² ejen kongsi gelap itu, di-dorong oleh tujuan² perkauman, memang sengaja hendak menimbulkan suasana tegang antara kaum supaya keadaan negara menjadi lemah.

Sudah pun dapat di-pastikan bahawa ada pertalian di-antara gerakan kongsi² gelap dengan pergaduhan kaum di-Kuala Lumpur. Sa-tengah² samseng kongsi gelap itu di-ketahui menjadi ahli chawangan² Parti Buroh Malaya yang di-kuasai oleh komunis. Mereka bertindak untuk kepentingan mereka yang tertentu, ia-itu supaya keadaan sentiasa tegang dan mereka dapat melakukan pemerasan dengan berleluasa.

SEBELAS

KETEGANGAN TERPIMPIN

Tidak-lah benar jika di-katakan Parti Komunis Malaya telah menchetuskan kekachauan pada 13 Mei bagi merebut kuasa. Mereka belum sedia untuk mengambil tindakan demikian. Tetapi, kegiatan² mereka dan kegiatan ejen² Parti Buroh di-Malaya berserta dengan ejen² kongsi gelap yang di-upah telah membangkitkan suasana tegang antara kaum ka-peringkat yang merbahaya. Parti Buroh Malaya yang sa-bahagian besar-nya di-pengarohi oleh Parti Komunis Malaya dan di-anggotai pada keselurohan-nya oleh kaum China, memang mempunyai kechenderongan perkauman. Pada 4hb Mei, 1969, 3 orang Polis peronda telah ternampak sa-kumpulan pemuda Parti Buroh Malaya menulis chogan-kata² anti-pilihanraya di-Kepong. Apabila di-chabar, pemuda² itu terus menyerang mereka dengan batang besi dan melastik mereka dengan ketol² logam. Mata-mata itu terpaksa-lah menembak mempertahankan diri. Akibat-nya, sa-orang daripada pemuda² yang chedera itu telah mati di-rumah sakit.

Berbedza dengan pengkebumian Pekerja UMNO yang terbunuh di-Pulau Pinang, yang di-jalankan dengan tenang dan terhormat, Parti Buroh menyimpan mayat pekerja itu dan meranchang hendak menanam-nya dengan satu perarakan besar pada hari mengundi supaya pilihanraya terganggu. Untuk tujuan ini mayat

itu telah di-simpan dalam peti sejok. Perarakan tersebut di-benarkan oleh Polis pada 9hb Mei tidak pada 10 haribulan, itu pun di-hadkan kepada sa-bilangan kecil sahaja dan tidak melebihi beberapa ratus orang. Perarakan ini juga hendak-lah mengikut jalan yang tidak akan menggendalakan lalu lintas di-Kuala Lumpur. Arahan² Polis itu tidak di-patohi oleh anasir² tersebut, Sa-balek-nya mereka menganjorkan satu perarakan besar mengandongi kira² 10,000 orang. Mereka berarak di-tengah² bandar Kuala Lumpur, mengingkari sa-tiap arahan Polis. Mereka melaung²kan chogan² kata Mao, sambil menyanyi "the East is Red" (Timor ada-lah Kominis), serta menunjok²kan gambar² Mao Tse Tung dan Bendera Kominis. Perarakan itu melalui tengah² bandar Kuala Lumpur, menggendalakan lalu lintas di-hampir² sa-tiap jalan besar, sambil menyakit²kan hati orang² Melayu yang berdiri di-tepi jalan dengan kata² "Malai si" (Mati-lah Melayu) dan "Hutang darah bayar darah."

Memandangkan ke-esokan-nya ia-lah hari mengundi, Polis telah di-beri perintah supaya chukup berhati². Dengan demikian pertemporan burok telah dapat di-elakkan dan pilehanraya umum berlangsung pada 10hb Mei, 1969 dengan tidak berlaku apa² peristiwa burok.

DUABELAS

PERARAKAN "KEMENANGAN"

Pada 11hb dan 12hb Mei, 1969, Parti² Tindakan Demokrat dan Gerakan telah mengadakan perarakan² "kemenangan" yang sengaja menghasut dan menaikkan perasaan perkauman di-Kuala Lumpur di-ikuti pula oleh beberapa perarakan² kecil.

DAP telah mengadakan beberapa perarakan pada hari Ahad 11hb Mei, 1969, kesemua-nya tanpa kebenaran dari Polis. Pada pukul 5.00 petang hari itu, satu perarakan mengandongi 5 buah kereta dan lebih kurang 15 buah motosikal, telah kelihatan melalui Jalan Brickfields menghala ka-Jalan Lornie. Goh Hock Guan chalun yang menang bagi kawasan Parlimen Bangsar dan kawasan Negeri, Pantai, ada dalam perarakan tersebut. Apabila melalui Balai Polis Brickfields, peserta² yang kebanyakan-nya orang² China melaungkan kata² yang kasar dan menchachi seperti "Apa polis boleh buat—kita Raja" dan "buang semua Polis Melayu".

Pada lebih kurang pukul 8.30 malam, satu lagi perarakan DAP yang melalui Jalan Bukit Bintang telah menchachi mata² Melayu yang bertugas di-situ pada waktu itu, dengan menunjokkan kelakuan yang kotor dan memek kata² biadap dan tidak bersopan. Pada

pukul 10.00 malam itu, satu lagi perarakan DAP yang menghalak Kuala Lumpur melaong "Mati Melayu, Sakai pergi masok hutan!" kepada mata² Melayu, apabila mereka lalu di-hadapan Balai Polis Jalan Travers. Kira² tengah malam itu, perarakan bersama DAP—Gerakan mengandongi kereta², motosikal² dan sekuter² telah lalu di-depan Balai Polis Jalan Brickfields dan sekali lagi melaongkan kata² yang menghina dan tidak bersopan.

Berbedza dari perarakan DAP, penyokong² Gerakan tidak ada mengator apa² perarakan sa-hingga lewat petang 11hb Mei, 1969. Perarakan ini juga tanpa kebenaran dari polis. Kira² pada pukul 10.00 malam itu, lebih kurang 40 orang penyokong Gerakan telah kelihatan melalui Jalan Changkat Dollah berdekatan dengan Penjara Pudu, dengan kereta² dan sekuter². Di-antara pekekan yang riuh rendah itu, telah terdengar mereka bertempek "Kuala Lumpur sekarang China punya".

Perarakan Parti Gerakan yang telah di-beri kebenaran pada 12hb Mei, 1969, dan yang di-ketuai oleh Dr Tan Chee Khoo ia-itu chalun yang menang bagi kawasan pilihanraya Parlimen, Batu dan kawasan pilihanraya Negeri, Kepong, telah melalui Jalan Ipoh, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Parlimen, Jalan Gombak, Jalan Raja Laut dan balek ka-Jalan Ipoh. Mereka telah melaong kepada tiap² orang Melayu yang kelihatan dengan kata² yang menghina seperti "Melayu balek kampong", "Melayu sekarang ta' ada kuasa lagi",

"Sekarang kita berkuasa". Perarakan tersebut mengandongi kira² 500 sekuter. Apabila mereka sampai di-kawasan Melayu, Kampong Bharu kata² menghina seperti "Melayu keluar—apa lagi dudok di-sini" dan "Kita hentam lu, sekarang kita besar" telah di-hemborkan kepada orang² Melayu. Mata² Melayu telah menjadi tumpuan mereka untuk di-maki chela.

Pada kira² 7.30 malam 12hb Mei, 1969, sedang P.C. 11819 Nordin menjalankan tugas biasa-nya di-Jalan Pudu, 5 orang pemuda China telah menghampiri dan mengerumuni-nya serta chuba hendak memukul-nya. Beliau telah terdengar pemuda² itu bertempek "Semua Melayu kasi habis" ketika mereka menghampiri-nya. Pemuda² itu telah lari apabila beliau menchabutkan pistol-nya.

Kira² pukul 4.00 petang pada 12hb Mei, Cpl. 9439 Kassim telah bertugas di-meja "tempat bertanya", di-Balai Polis, Jalan Pudu. Ketika itu, perarakan Parti Gerakan telah dua kali lalu di-hadapan Balai itu, dan peserta²-nya memek "Kasi halau semua polis".

Pada hari yang sama, ia-itu lebih kurang pukul 8.30 malam P.C. 2248 Sulaiman sedang bertugas di-rumah Beat Polis Bukit Bintang. Ketika itu satu perarakan bersama parti DAP dan Gerakan telah lalu di-tempat itu. Beliau telah mendengar pekekan² dari perarakan itu "Apa ini Melayu kita negeri dia sudah perentah. Ini negeri bukan Melayu punya". "Mata² lanchau" (kata² mencharut yang di-arahkan kepada pasukan Polis).

Pada ketika itu juga, kira² pukul 8.30 malam, P.C. 27596 sedang bertugas di-Jalan Pasar Baru, Pudu, dan beliau telah melihat satu perarakan bersama parti² DAP—Gerakan. Peserta²-nya telah memek² beberapa kali “Habis Melayu”, ketika mereka lalu di-situ.

Inspektor Mansor bin Latt Ibrahim dari Balai Polis, Jalan Campbell telah menyatakan bahawa pada 12hb Mei, 1969, kira² pukul 7.00 petang, beliau telah bertugas di-situ untuk mengawal perarakan Parti Gerakan. Di-Jalan Ipoh, beliau telah mendengar peserta² memek² “Butoh Melayu”, “Pergi mati-lah” (kata² chachian di-arahkan kepada orang² Melayu).

Pada malam 12hb Mei, Sgt. Major Alias bin Tuan Haji Mohd. Yusuf telah di-beritahu oleh P.C. 2248 Sulaiman yang telah pulang daripada bertugas di-kawasan Bukit Bintang bahawa beliau telah mendengar peserta² perarakan Parti Gerakan yang telah lalu di-Jalan Bukit Bintang, memek² “Ini negeri bukan Melayu punya, kita mahu halau semua Melayu”.

Penolong Penguasa Polis, Noordin bin Alauddin, dari Ibu Pejabat Chawangan Khas Selangor, telah menyatakan bahawa pada suboh 13 Mei 1969, lebih kurang 60 orang penyokong Parti Gerakan telah melalui Jalan Hale dan telah menche² penduduk² Kampong Bharu, supaya keluar daripada kampong itu dan “balekka-hutan”. Kumpulan² itu telah juga melalui Jalan Raja Muda dan di-hadapan rumah Menteri Besar.

Annuar bin Abas, sa-orang jaga di-Maktab MARA di-Petaling Jaya, telah mendakwa bahawa pada pukul 9.30 malam 12hb Mei 1969, perarakan yang agak panjang juga terdiri dari penyokong² Gerakan telah lalu sa-chara perlahan² di-hadapan Maktab MARA, memukul tin² besi dengan bising-nya dan memek² serta menyekat lalu lintas. Beliau telah mendengar sa-tengah daripada peserta itu memek² “MARA butoh, MARA tundun” dan “kapal layar bochor”. Perarakan itu di-dahului oleh penunggang² motosikal, mengambil masa kira² sa-tengah jam untuk lalu di-depan Maktab itu. Di-tengah² perarakan itu, beliau telah ternampak V. David berdiri dalam kereta yang terbuka, dengan sa-kalong bunga di-leher-nya.

Mansor bin Abdul Rahman, sa-orang penuntut di-Kolej MARA menyaksikan perarakan itu melalui Kolej MARA, dan mengesahkan kenyataan yang diberi oleh Annuar itu. Tambah-nya lagi pekekan yang di-dengar-nya ia-lah “MARA lima tahun lagi akan jahanam”, “Sekarang kita perentah apa boleh buat”, “Melayu boleh balek kampong!”.

Pada 12hb Mei, 1969 pada kira² pukul 8.00 pagi, sa-orang lagi penuntut MARA, Osman Mahmud yang berada di-dalam kawasan Kolej MARA, melihat satu perarakan Parti Gerakan lalu dan mendengar pekekan² berbunyi “Melayu sudah jatoh, MARA boleh keluar”.

Abdul Wahid bin Haji Eboh yang juga berada di-kawasan Kolej tersebut pada ketika itu mendengar peserta² perarakan itu melaung, "Melayu balek, pergi mati!" Sa-orang lagi penuntut MARA, Abdul Hadi bin Haji Shariff yang juga ada di-kawasan itu mendengar mereka memek, "Melayu balek kampung, MARA mahu kasi habis".

Sandrasedaran sa-orang kerani, menyatakan bahawa lebih kurang pukul 7.00 petang, pada 12hb Mei, 1969, ia sedang memandu kereta-nya dari Sentul menuju ka-pekkan apabila ia telah tersekat di-bulatan Jalan Ipoh/Jalan Maxwell. Sekatan itu telah di-sebabkan oleh kira² 400 hingga 500 pemuda² China dan India di-kedua² belah jalan itu. Apabila pemuda² itu melihat yang pemandu kereta Holden di-hadapan V. Sandrasedaran itu sa-orang Melayu, mereka menjadi liar dan riuh dan mengibar²kan bendera² merah mereka kapada-nya. Bendera² itu di-ikatkan pada kayu² yang telah di-tajamkan hujung-nya. Pada ketika itu juga mereka memek kapada orang Melayu itu kata² seperti "Orang Melayu balek kampung" dan "Kapal sudah bochor".

Sandrasedaran perlahan² mengikut kereta Holden itu dan ia mendengar sa-tengah² daripada pemuda² itu berkata, "Ini bukan Melayu" menunjukan kata² itu pada Sandrasedaran, berma'ana bahawa ia tidak usah-lah di-ejek² dan di-kata²kan.

Beberapa perarakan lagi serupa ini telah berlaku di-kawasan lain di-Kuala Lumpur. Beberapa gerombolan jahat yang terdiri daripada orang² bukan Melayu telah pergi di-hadapan rumah Menteri Besar di-Kampung Bharu dan melaung²kan anchaman untuk menghalau ia keluar dari rumah itu dengan chara kekerasan.

TIGABELAS

SOMBONG

Satu unsur yang sama dalam semua perarakan² ini ialah mereka dengan sengaja melanggar peratoran² jalan raya, menggunakan perkataan² dan kelakuan² yang kasar dan luhah di-gunakan, dan dengan sengaja melaungkan kata² yang menimbulkan marah yang ditujukan kepada orang Melayu. Chorak kelakuan yang di-tunjukkan ada-lah dengan nyata serupa dengan kelakuan yang di-lihat pada perarakan mayat pro-Mao pada 9hb itu. Mereka² yang berjalan kaki dan yang menaiki kereta dan lori telah menunjokkan perasaan bongkak serta kesombongan yang ta' dapat di-kawal dan melakukan kelakuan yang biadap terhadap pehak yang berkuasa.

Pemimpin² parti² pembangkang, dari parti² Gerakan dan DAP, tidak langsung menahan atau memburokkan kelakuan pekerja² parti mereka.

Walau pun kelakuan yang menimbulkan marah ini sudah terlalu melampau, masharakat Melayu di-kawasan² yang menerima ejek²an itu telah menunjokkan kesabaran. Tetapi, mereka berasa marah dengan hakikat bahawa hanya dengan memenangi beberapa kerusi tambahan sahaja orang² bukan-Melayu, terutama-nya bangsa China, telah menunjokkan kesombongan yang tidak terhingga kepada orang² Melayu pada keseluruhan-nya, kejadian² yang berlaku sejak

9hb hingga ka-12hb Mei telah membimbangkan mereka terhadap masa depan. Pada 12hb Mei misal-nya, kesabaran pehak polis, dan kebebasan orang² China melanggar undang², menyebabkan orang² Melayu ragu terhadap kemampuan pehak Kerajaan untuk bertindak dengan tegas terhadap anasir² liar itu. Satu perasaan chemas dan ragu berasaskan ingatan² mereka tentang "mahkamah maharajalela" pada tahun 1945, timbul di-kalangan masharakat Melayu di-ibu kota. Pada pagi 12hb Mei sa-kumpulan pemuda² UMNO Kampung Bharu pergi berjumpa Haji Ahmad Razali bin Ali, sa-orang Ahli Dewan Undangan Negeri, dan mengatakan pada-nya bahawa mereka hendak mengadakan satu perarakan UMNO untuk "menunjokkan kepada parti² Pembangkang bahawa UMNO, juga ada mempunyai sebab² yang wajar untuk mengadakan perayaan, kerana mereka tidak di-kalahkan dalam pilihanraya Negeri".

EMPATBELAS

REAKSI

Mengikut satu kenyataan yang di-buat oleh Haji Ahmad Razali kapada Polis:

"Pada pagi 12hb Mei, 1969 saya telah memberitahu Y.B. Menteri Besar, Dato' Harun, bahawa pemuda² UMNO Kampong Bharu hendak mengadakan satu perarakan UMNO dengan tujuan menunjukkan kapada parti² Pembangkang yang UMNO juga mempunyai sebab² yang wajar untuk mengadakan perayaan kerana mereka tidak kalah dalam Pilihanraya Negeri. Saya memberi tahu Menteri Besar bahawa pemuda² UMNO itu berasa tersangat marah terhadap kelakuan ahli² DAP dan Gerakan dan penyokong² mereka yang, sejak pagi 11hb Mei, 1969, telah melaung²kan penghinaan dan ejekan² terhadap orang² Melayu di-Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Pemuda² UMNO Kampong Bharu tidak akan mengindahkan sekira-nya ejekan² itu di-tumpukan kapada Parti Perikatan atau UMNO. Tetapi, sebagaimana saya di-beritahu oleh ramai ahli² itu, ejekan², seperti 'APA MELAYU BOLEH BUAT' dan 'MELAYU BOLEH BALEK JADI SAKAT' ada-lah terlampau keras untuk di-terima oleh mereka kerana penghinaan itu di-tujukan kapada orang² Melayu pada umum-nya dan bukan kapada UMNO atau pun Perikatan. Menteri Besar bersetuju kapada chadangan untuk mengadakan satu perarakan kemenangan UMNO

tetapi telah mengingatkan saya bahawa perarakan itu mesti-lah di-jalankan dengan chara mengikut undang², aman dan terator.

Sa-telah mendapat persetujuan Menteri Besar saya memberitahu ahli² PEMUDA UMNO KG. BHARU bahawa mereka hendak-lah mendapatkan sebanyak² penyokong yang mereka boleh kerana sekira-nya tidak bagitu tidak-lah ada guna-nya mengadakan perarakan. Mereka bersetuju dengan chadangan saya bahawa perarakan itu di-adakan pada petang 13 Mei, 1969, bermula pada jam 1930 (7.30 malam). Tempat berkumpul ia-lah di-tempat kediaman Menteri Besar.

Pada malam 12hb Mei, 1969 pada kira² jam 9.30 malam saya keluar dengan kereta saya sa-orang diri pergi ka-beberapa buah kampong Melayu di-Kuala Lumpur untuk menghubungi Ketua² UMNO kerana mendapatkan sokongan² yang chukup. Kampong² yang saya lawati ia-lah KG. DATO KRAMAT, GOMBAK (batu 8½), KG. PETALING, KAWASAN MELAYU, KG. HJ. ABDULLAH HUKOM, KG. PANDAN DALAM dan KG. JAYA. Saya beri tahu mereka bila dan di-mana perarakan itu akan bermula. Lawatan saya ka-kampong² itu mengambil masa empat jam.

Sambutan semua ketua² UMNO yang saya hubungi pada malam itu sangat-lah baik. Mereka bersungguh² mengumpulkan penyokong dan suka mengambil bahagian dalam perarakan itu. Kata mereka penghinaan seperti "MELAYU SUDAH HABIS" dan "MARA

BOLEH TUTUP" itu tidak perlu di-hamborkan. Sa-tengah daripada mereka berkata, kepada saya bahawa dalam perarakan² kemenangan oleh Gerakan dan DAP, ramai penyokong² mereka telah menunjokkan kelakuan² biadap kepada orang Melayu ketika lalu di-kawasan² Melayu.

Dato' Harun bin Haji Idris, Menteri Besar, Selangor dalam kenyataan-nya kepada Polis telah menyebut: "Pada hari Ahad 11hb Mei, 1969 lebih kurang pukul 7.00 petang saya pulang ka-rumah kediaman saya di-Kampung Bharu sa-telah pergi melawat ka-Morib. Pada petang itu juga beberapa orang chalun Perikatan telah datang ka-rumah saya, untuk membinchangkan soal penubohan Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi oleh kerana mereka masehi lagi memikirkan tentang keputusan pilihanraya yang baru sahaja lepas itu, kami telah tidak berpeluang untuk membinchangkan dengan khusus-nya masaaalah menubuhkan satu Kerajaan Negeri Selangor yang baru.

Pada umum-nya juga saya telah menerima beberapa panggilan talipon daripada orang² yang mengenalkan diri mereka sebagai penyokong² UMNO dan memberitahu saya mengenai kelakuan biadap oleh orang² yang berarak bersama² dengan kumpulan Parti pembangkang. Kelakuan mereka itu di-anggap sebagai menghina orang² Melayu. Panggilan talipon ini terus berpanjangan hingga ka-petang esok-nya.

Dato' Harun menambah bahawa sa-telah itu Setia-usaha Politik-nya, Haji Ahmad Razali telah datang ka-rumah-nya memberitahu ia-itu sa-kumpulan dari-pada penyokong² UMNO yang telah tiba ka-rumah-nya telah menyatakan yang mereka ingin untuk mengadakan satu perarakan untuk menyambut kemenangan parti UMNO. Dato' Harun telah mempelawa mereka ka-rumah-nya dan dalam kenyataan-nya menambah "Pada mula-nya saya telah menasihatkan mereka supaya perarakan itu di-batalkan sahaja oleh kerana sa-suatu perkara yang tidak baik mungkin boleh berlaku. Walau bagaimana pun, sa-telah saya di-beri pengakuan bahawa perarakan akan di-adakan dengan sechara yang aman dan berperatoran dan "permit" Polis juga akan di-perolehi, saya pun bersetuju bahawa chadangan mereka untuk mengadakan perarakan itu. Untuk memberikan penghormatan serta menentukan bahawa orang² yang mengambil bahagian dalam perarakan itu berkelakuan baik, saya pun bersetuju untuk mengambil bahagian dan mengetuai perarakan itu. Oleh kerana saya berasa bertanggung-jawab untuk menasihatkan orang² ramai yang mengambil bahagian dalam perarakan itu, saya telah memberitahu mereka bahawa mereka hendak-lah berkumpul di-halaman rumah saya. Saya juga berchadang pada ketika itu untuk memberitahu orang² Melayu saya telah pun menubuhkan Kerajaan Negeri Selangor. Dengan itu saya berharap bahawa kechurigaan mereka tentang perkara ini akan dapat di-hapuskan.

LIMABELAS

13 MEI

Sa-telah menerima anchaman dan penghinaan dalam beberapa hari yang terdahulu-nya tindak balas sa-tengah² orang² Melayu ia-lah untuk bertumpu di-Kampong Bharu.

Menteri Besar Selangor, Dato' Harun bin Haji Idris membuat laporan berikut kepada Polis.

"Pada pagi 13 Mei, 1969, satu perjumpaan ahli Dewan Undangan Negeri yang telah berjaya dalam Pilehan Raya telah di-adakan dalam Pejabat saya di-Pejabat Setia-usaha Kerajaan, Selangor, untuk membincangkan penubohan Kerajaan Negeri. Kemudian daripada itu saya balek ka-tempat kediaman saya dan berada di-rumah sa-panjang tengah hari itu melayani pelawat² yang ramai datang untuk menguchapkan tahniah kepada saya atas kejayaan saya dalam pilehan raya.

Pada kira² pukul 5 petang dua orang China telah di-bawa ka-rumah saya oleh Tahir Majid. Mereka memperkenalkan diri mereka sebagai wakil daripada Dr Tan Chee Khoon. Mereka berkata kepada saya bahawa parti Gerakan tidak akan berchantum dengan DAP dan meminta saya membentok Kerajaan Negeri. Saya memberi tahu kedua² China itu supaya mereka balek, dan beritahu Dr Tan Chee Khoon supaya beliau sendiri menalipon kepada saya. Kedua² China itu pun balek

dengan segera. Sa-telah mereka pergi saya menerima satu panggilan talipon daripada V. David. Kata-nya, saya hendak-lah terus menubuhkan satu Kerajaan champoran. Saya amat terperanjat dengan apa yang telah di-katakan oleh kedua² pemimpin Gerakan itu kerana ini ada-lah agak bertentangan dengan apa yang telah mereka katakan saperti yang tersiar di-dalam akhbar² tempatan terdahulu daripada itu.

Orang² yang datang untuk perarakan itu mula²-nya berkumpul di-halaman rumah Haji Ahmad Razali dan di-jalan di-hadapan rumah tersebut. Hanya sedikit sahaja orang² yang berada dalam kawasan kediaman saya."

Pada tengah hari hari itu, satu pengumuman telah di-buat oleh Gerakan Rakyat Malaysia menyatakan bahawa parti itu akan tetap bersifat berkechuali dalam Dewan Undangan Negeri. Ini membuka jalan bagi Perikatan, parti yang telah memenangi jumlah kerusi yang terbanyak, untuk membentok kerajaan baharu di-Selangor. Pada perengkat ini, keputusan telah di-chapai bagi Perikatan Negeri Selangor meneruskan perarakan kemenangan saperti yang telah di-chadangkan itu untuk merayakan pembentokan kerajaan baharu itu. Pehak Polis telah memberi kebenaran yang di-perlukan, oleh kerana kebenaran yang serupa telah di-berikan kepada Parti Gerakan pada hari kelmarin-nya. Perarakan yang di-chadangkan ini telah di-ator oleh UMNO Selangor, dan semua chawangan²-nya di-Negeri

itu telah di-jemput menghantarkan peserta² mereka untuk berkumpul di-tempat kediaman Menteri Besar pada pukul 7.00 malam 13 Mei, dan perarakan itu sepatut-nya akan bermula pada pukul 7.30 malam.

Beberapa orang penuntut dari Kolej MARA juga turut mengambil bahagian oleh sebab mereka juga telah menjadi sasaran penghinaan dan ejekan² pada masa perarakan "kemenangan" parti² DAP dan Gerakan itu. Dalam salah satu perarakan haram yang di-adakan oleh DAP pada 11hb Mei, 1969, penyokong² parti itu telah membuat ancaman terhadap masa depan Kolej tersebut.

Ternyata-lah bahawa peserta² Melayu yang akan berarak pada malam 13 Mei itu ada-lah penuh dengan perasaan di-sebabkan oleh penghinaan dan kelakuan yang menimbulkan marah yang berlaku dua hari sa-belum itu seperti yang telah di-sebutkan pada awal² tadi. Untuk beberapa waktu, khabar² angin sangat berleluasa di-Kuala Lumpur mengatakan bahawa perarakan Perikatan malam itu akan di-serang oleh anasir² China tertentu. Orang Melayu pula tetap akan melawan balek jika mereka di-serang. Sa-tengah² daripada mereka bersedia dengan pisau dan parang, dengan dugaan bahawa mereka terpaksa mempertahankan diri mereka sekira-nya mereka di-serang waktu perarakan itu nanti. Mereka sedar akan hakikat bahawa perarakan itu akan melalui bandar yang penduduk-nya terdiri kebanyakannya daripada bangsa China. Sa-tengah² daripada mereka yang tidak bersenjata sedar bahawa mereka mungkin

terpaksa mempertahankan diri mereka, lalu dengan serta merta membuat senjata² seperti buloh runching.

Sementara orang² Melayu berkumpul di-kawasan kediaman Menteri Besar di-Kampung Bharu, mereka telah mendapat berita bahawa sa-bahagian daripada orang² Melayu Gombak, yang akan turut serta dalam perarakan itu, telah di-serang oleh orang China di-Setapak dalam perjalanan mereka ka-Kampung Bharu.

Dalam satu kenyataan yang di-buat oleh Penolong Pesuruhjaya Zamani, Pemerintah Pasokan Polis Hutan, pada pukul 6.30 petang, sejurus sa-belum kekacauan berlaku di-Jalan Raja Muda; sa-orang pemuda Melayu, menonggang sekuter, menuju ka-rumah Menteri Besar melaungkan "Setapak sudah kena langgar". Orang² Melayu dari Gombak, melalui Setapak, telah di-serang sewaktu dalam perjalanan. Menurut sa-orang pekerja Talikom, dalam satu kenyataan yang di-rekodkan oleh Inspekter Abbas " pada kira² pukul 6.00 petang, saya memberhentikan kereta saya berhampiran dengan pejabat Malayan Banking di-Setapak. Sa-orang pemuda Melayu berlari mendapatkan saya dan berkata bahawa satu perkelahian telah berlaku dekat panggong Alhambra di-hujung jalan pekedai² (di-Setapak) telah mulai tergesa² menutup kedai² mereka".

Dalam satu kenyataan kemudian-nya yang di-rekodkan oleh Penolong Penguasa Polis Chan Hon Keong, sa-orang saudagar China di-Setapak mencheritakan

bahawa, "pada lebih kurang pukul 6.15 petang, 13 Mei, 1969, saya sedang duduk di-dalam kedai saya apabila tiba² saya terdengar satu bunyi rusohan yang amat riuh datang-nya dari simpang jalan Setapak dan Jalan Gombak. Ketika saya melihat keluar, saya lihat orang berlari tidak tentu arah. Pada masa itu juga saya dengar sa-orang China melaung, 'anti-China'. Dengan segera saya pun menutup pintu depan kedai saya. Pada ketika itu saya nampak sa-kumpulan pemuda² Melayu lalu di-hadapan kedai saya di-seberang jalan raya. Mereka menghala ka-Kuala Lumpur. Saya tidak dapat melihat mereka dari dekat kerana mereka melontar²kan batu ka-kedai² di-kedua² belah jalan raya dan memecahkan chermi² kereta yang terletak di-tepi² jalan itu."

Sa-orang lagi pegawai, Penolong Penguasa Polis Sivanathan, Pemerintah salah satu Pasokan Polis Khas, yang tidak di-dalam waktu bertugas pada 13 Mei, 1969 sedang berada di-rumah-nya di-Jalan Seavoy, Setapak. Dalam laporan-nya ia menyatakan bahawa, "Pada kira² pukul 6.15 petang anak² saya yang bermain di-halaman memberitahu saya bahawa satu rusohan telah berlaku di-luar. Saya pun melihat keluar dan nampak beberapa orang China lelaki berjalan kaki, naik basikal dan sekuter lari dari Jalan Pahang ka-kawasan setingan di-belakang rumah saya. Beberapa minit sahaja sa-lepas itu saya lihat kumpulan yang sama meluru keluar ka-Jalan Pahang membawa bersama² mereka besi² paip, kayu dan parang. Apabila melihat ini, dengan serta

merta saya pergi dengan berjalan kaki arah ka-pekan Setapak untuk mencari isteri saya yang telah meninggalkan rumah dengan membawa kereta saya. Ketika sampai di-simpang Jalan Seavoy/Jalan Pahang pada kira² pukul 6.25 petang saya lihat jalan itu penoh sesak dengan kenderaan dan betul² di-hadapan Pejabat Bus Len Seng, kelihatan lebih kurang lapan puluh orang (kira² lima puluh orang China dan tiga puluh India) bersenjatakan parang, besi paip dan kayu. Mereka semua menghadap ka-Pekan Setapak. Ketika saya berjalan ka-arrah Pejabat Bus Len Seng, beberapa orang daripada China yang bersenjata datang dari kawasan setingan itu lalu berhampiran dengan saya dan berchampur dengan kumpulan yang ada di-Pejabat Bus Len Seng itu. Kemudian saya lihat dua buah kereta di-pandu oleh China menchelah² melalui kereta² yang tersekat itu dari arah pekan Setapak. Chermi kedua² kereta itu pechah² belaka. Kedua² kereta itu telah ditahan oleh kumpulan China di-Pejabat Bas itu dan saya dengar mereka berkata² dalam bahasa China. Sa-lepas kedua² kereta itu di-benarkan pergi, saya lihat dua lelaki China menunggang sekuter datang dari arah pekan Setapak menchelah² melalui kereta² yang tersebut itu. Sa-telah sampai pada kumpulan itu saya lihat beberapa orang daripada China² itu chuba menahan mereka. Mereka mengejar kedua² penunggang sekuter itu dan berjaya memukul penunggang yang di-belakang dengan besi paip. Penunggang sekuter itu pun

jatoh dan terus lari ka-kawasan lapang di-sabelah jalan itu dan lalu menghilangkan diri. Penunggang yang sa-orang lagi itu sempat melarikan diri-nya melajukan sekuter-nya. Pada ketika ini saya menghampiri sa-orang India yang bersenjata dan bertanya kapada-nya tentang apa yang sa-benar-nya telah berlaku. Ia menjawab bahawa "MCA itu dahulu-nya sombong dan sekarang ini mereka itu mesti-lah di-ajar".

Dalam satu laporan yang di-rekodkan oleh Penguasa Chan Ah Chan, sa-orang saudagar China di-Jalan Tuanku Abdul Rahman berkata, "pada kira² pukul 6.30 petang saya sedang berdiri di-hadapan kedai saya dan melihat sa-kumpulan orang² China berdiri di-kedua² belah jalan raya menunggu perarakan itu. Sementara itu, dua buah bas datang dari kawasan bandar berhenti di-perhentian bas yang berdekatan. Beberapa orang yang ada di-dalam kedua² bas itu memekik mengatakan bahawa satu pergadohan telah berlaku di-Setapak. Sementara beberapa orang penumpang turun, pemuda² China yang lain berhimpit² menaiki bas² itu untuk pergi ka-Setapak.

Nyata-lah bahawa pada masa itu kekacauan belum lagi berlaku di-Kampung Bharu kerana jika sekira-nya pergadohan sudah berlaku di-sana, pemuda² itu tidak akan meluru ka-Setapak.

Orang² Melayu dan orang² bukan Melayu yang bergaduh di-Setapak pada mula-nya tidak-lah mempunyai apa² senjata pun. Bagaimana pun, apabila kedua² belah

pehak mula melontarkan botol dan batu², orang² Melayu pun chuba mendapatkan senjata daripada kedai² di-situ tetapi kebanyakan-nya tidak berjaya kerana pekedai² itu dengan segera menutup pintu² mereka. Sa-orang pekedai bangsa India dan pembantu-nya mencheritakan dalam satu temuduga dengan Penolong Penguasa Polis S. Dorairaja dan Pemangku Penolong Penguasa Polis T. Kurugnanan, bahawa gerombolan² Melayu, "Kemudian-nya mula menyerang kereta² yang lalu dengan menggunakan kayu dan batu. Sa-tengah daripada mereka itu berlari ka-kedai saya dan memaksa saya memberikan pisau kapada mereka. Apabila kami mengatakan yang kami tidak mempunyai pisau mereka pun menumbok kami. Pembantu saya mendapat luka-parah di-muka-nya Kemudian gerombolan itu berlari menuju ka-simpang Jalan Gombak/Jalan Setapak menyerang semua kereta yang terletak dan yang lalu dengan kayu, batu dan beberapa orang daripada mereka mempunyai pisau.

Tatkala gerombolan² China dan India berkejar ka-rumah masing² untuk mengambil senjata, seperti yang ternyata dalam laporan Penolong Penguasa Polis Sivanathan, orang² Melayu itu pun melepaskan kemarahan mereka kapada chermin² kereta yang terletak di-sepanjang jalan itu sa-hingga mereka sampai ka-pusat Bas Len Seng di-mana, pada ketika itu pemuda² China dan India yang lengkap bersenjata sudah sedia menunggu. Sementara beberapa penunggang² sekuter Melayu terus pergi ka-Kampung Bharu

untuk menyampaikan berita pergadohan itu, kebanyakan daripada orang² Melayu itu balek semula ka-Gombak untuk mengambil senjata. Ketika mereka balek semula ka-Setapak, waktu sudah hampir² pukul 7.00 malam dan satu Pasokan Polis Simpanan di-bawah Penolong Penguasa Polis Low Yow Hong telah siap bersedia di-hadapan Sekolah China Chung Hwa untuk menyuraikan mereka dengan gas pemedeh mata. Pada masa itu dua buah sekuter sudah terbakar di-jalan besar, dan beberapa orang telah mendapat chedera termasuk sa-orang pekerja Selangor Pewter Works, chawangan Gombak, yang kemudian-nya mati di-Rumah Sakit Umum.

Nampak-nya beberapa orang China MCA di-Setapak juga telah menyertai kumpulan² Melayu itu dalam perjalanan mereka ka-Gombak, dengan sangkaan bahawa perarakan UMNO yang akan di-adakan itu ada-lah perarakan Perikatan. Ini dapat menjelaskan kenapa gerombolan² China dan India di-Pejabat Bas Len Seng itu memukul pemuda China yang menunggang sekuter tadi. Ini juga dapat menjelaskan jawapan yang di-berikan kepada Penolong Penguasa Polis Thomas Sivanathan oleh sa-orang daripada pemuda India yang bersenjata itu.

Kenyataan yang sa-benar-nya menunjukkan bahawa beberapa orang Melayu dalam perjalanan mereka menuju ka-tempat berkumpul untuk perarakan itu dengan berjalan kaki dan menunggang sekuter (kerana

perkhidmatan bas tempatan sudah terhenti) telah dimaki-chela oleh kumpulan China dan India di-Setapak, dan ini dengan serta merta menjadi pergadohan dimana kedua² belah pihak telah membaling²kan botol dan batu² kira² sa-puluh atau lima belas minit sebelum meletus-nya kekachauan di-Kampung Bharu. Khabar pergadohan ini-lah yang telah menchetuskan pergadohan di-Kampung Bharu dan di-daerah² sekeliling-nya. Maki-chela dan penghinaan yang di-hamborkan dua hari yang lalu itu hanya telah memarakkan suasana yang tegang itu.

Ada-lah jelas yang kekachauan mula² berlaku di-Setapak—suatu kawasan yang tidak di-sangka²—kira² pada pukul 6 petang sa-belum perarakan yang di-jadualkan itu bermula di-jalan Raja Muda. Berita pertemporan di-Setapak itu telah menchetuskan tindak balas yang dahshat di-Kampung Bharu. Mula² dari saat itu kekachauan terus merebak dengan chepat-nya dengan tidak dapat di-kawal lagi ka-Jalan Campbell, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kampung Datok Keramat, Kampung Pandan, Cheras dan Kampung Kurinchi.

Pada kira² 6.20 petang 13 Mei, 1969, Penolong Penguasa Polis Tham Kong-Weng, Pemerintah Troop 5B Pasokan Simpanan Polis Persekutuan (FRU) telah membawa orang²-nya ka-tempat yang telah di-tentukan berhadapan dengan kawasan Jalan Chow Kit di-sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman. Dalam perjalanan-nya ia melalui di-hadapan rumah Menteri

Besar, kira² pada 6.30 petang. Tidak ada apa² kekachauan di-situ ketika itu dan ia meneruskan perjalanan dengan tidak berhenti. Tetapi ia telah melaporkan apa yang di-lihat-nya kepada Pusat Kawalan Polis Selangor dengan wireless ia-itu "Satu perhimpunan seramai 400 hingga 500 orang sedang berkumpul di-tepi jalan di-hadapan rumah Menteri Besar hingga masuk ka-dalam kawasan kediaman itu dan halaman rumah² lain. Sa-tengah² daripada orang² Melayu itu membawa tombak dan sepandok dan "sa-bilangan kechil kelihatan bersenjatakan parang dan keris". Pada jangkaan-nya kekachauan benar² akan berlaku jika perarakan yang telah di-jadualkan itu kena serang. Menyedari kemungkinan tersebut, ia telah membuat kajian yang rapi di-kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Chow Kit sebaik saja ia sampai beberapa minit kemudian. Malahan jambatan tempat orang berjalan kaki menyeberang di-situ pun diperiksa-nya supaya tidak ada kemungkinan orang² menchampakkan apa² benda ka-atas perarakan yang berlalu di-bawah nanti.

A.S.P. Tham Kong-Weng sa-terus-nya melaporkan "kira² pada pukul 6.40 petang itu sedang saya berdiri di-atas menara (kenderaan tempat memberi arahan) saya terlihat asap naik berkepul² dari arah rumah Menteri Besar dan saya perchaya kekachauan telah terchetus di-situ lalu saya arahkan orang² saya mara ka-arrah Bulatan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

"Berita peserta² Melayu yang hendak mengambil bahagian dalam perarakan itu telah kena serang di-Setapak oleh kumpulan² orang China semasa mereka sedang menuju ka-Kampong Bharu dari Gombak telah sampai kepada orang² Melayu yang sedang berhimpun di-tepi jalan di-hadapan rumah² Menteri Besar dan Setia-usaha Politik-nya, Tuan Haji Ahmad Razali. Dengan serta merta terjadi-lah serang balas anti-China yang panas, tapi siapa-kah mangsa yang pertama tidak dapat di-pastikan dengan sah-nya.

Menurut Tuan Haji Ahmad Razali, "Kira² pada pukul 6.40 petang sa-orang berlari kepada saya menyatakan kekachauan telah pun berlaku di-luar. Saya pun berkejar keluar dan nampak betul² di-hadapan rumah saya di-Jalan Raja Muda, sa-buah van sedang terbakar." Menurut jawapan yang di-beri kepada-nya, van itu di-naiki oleh dua orang China yang telah pun terbunuh di-situ juga. Beliau pun segera bekejar ka-rumah Menteri Besar dan mendapati Dato' Harun sedang berdiri di-atas bumbong sa-buah bas merayu kepada orang ramai di-situ supaya bertenang tetapi mereka menjerit² balek kepada-nya "tidak boleh tahan lagi Tok" kegelisahan semakin memunchak. Haji Ahmad Razali kemudian naik ka-atas bas itu serta menyertai Menteri Besar meminta orang ramai supaya bertenang. Menjelang kira² pukul 6.50 petang saya nampak kira² 200 hingga 300 orang² Melayu keluar dari halaman rumah Menteri Besar menuju ka-arrah Jalan Tuanku Abdul Rahman. Tidak shak lagi pada

saya yang mereka itu keluar hendak bertempur dengan orang² China. Seruan² kami supaya mereka berhenti telah tidak di-indahkan”.

Sebaik saja kumpulan orang² Melayu itu menuju ka-Jalan Tuanku Abdul Rahman Pasokan Penchehah Rusohan Troop 1B di-bawah perintah A.S.P. Shahrman tiba di-hadapan rumah Menteri Besar, lalu mengepong kawasan itu dengan demikian dapat menahan lain² orang² Melayu daripada menyertai kumpulan yang sedang menuju ka-Jalan Tuanku Abdul Rahman itu. A.S.P. Shahrman tiba pada pukul 6.50 petang. Beberapa kenderaan sudah pun terbalek, di-tolak ka-tepi atau pun sedang terbakar. Tiga mayat terbaring di-tepi jalan dan dalam salah sa-buah kenderaan itu sa-orang Pegawai Sharikat Perniagaan China pura² mati sa-hingga Pasokan Polis itu chukup rapat kapada-nya lalu ia bangkit meminta perlindungan daripada A.S.P. Shahrman.

Sementara itu kumpulan orang² Melayu yang menuju ka-Jalan Tuanku Abdul Rahman berjalan mengikut Jalan Raja Muda dan Bulatan Jalan Tuanku Abdul Rahman, merejam kayu dan batu² ka-arrah orang² China yang sedang berlari²an hendak menyelamatkan diri. Menurut sa-orang pekedai China di-kawasan tersebut, ia telah menutup pintu besi kedai-nya ketika perusoh² lalu di-hadapan. Tetapi beberapa orang jiran-nya mula merejam botol² kapada mereka dari tingkap di-tempat atas menyebabkan beberapa orang dari perusoh² itu berpechah menyerang rumah² kedai tersebut serta membakar-nya.

Kebanyakan daripada orang² Melayu itu di-tentang oleh A.S.P. Tham Kong Weng di-Bulatan, dan ia berjaya mengundorkan mereka dengan melepaskan tembakan gas pemedeh mata. Pada anggaran-nya ada di-antara 150 hingga 200 orang Melayu di-tempat kumpulan itu. Ketika mereka berpechah balek ka-Kampung Bharu kumpulan tersebut telah “di-pechahkan” oleh Troop 1B Polis Penchehah Rusohan di-bawah perintah A.S.P. Shahrman lalu mereka berpechah kapada kumpulan² kechil masok ka-lorong² di-Kampung Bharu. Dari saat itu Troop 1B di-bawah arahan A.S.P. Shahrman dan Troop 5B di-bawah arahan A.S.P. Tham Kong Weng, dengan bantuan Troop 4C di-bawah arahan A.S.P. Pritam Singh dan Troop 1C di-bawah arahan A.S.P. Low Yew Hong telah bekerja dengan tidak berhenti² menghadapi perusoh² Melayu dan China di-kawasan Kampung Bharu, Jalan Chow Kit dan Jalan Raja Laut. Banyak perusoh² yang bersenjata telah di-tangkap dan orang² yang tidak berdosa di-beri perlindungan. Semua perusoh² baik Melayu di-kawasan Kampung Bharu/Jalan Chow Kit mahupun China di-kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman/Jalan Raja Laut telah di-tumpaskan dengan keras dan tidak berat sa-belah.

Sa-tengah² orang Melayu yang telah berkumpul di-Kampung Bharu kerana hendak menyertai perarakan yang di-ranchang itu menjadi resah; mereka tidak bersenjata dan tidak ada apa² persediaan untok menghadapi kekachauan atau bimbangkan keselamatan keluarga masing² di-kawasan² di-sekitar itu, atau pun

memang tidak sukakan kachau bilau. Oleh itu ada yang berlari², menonggang basikal atau pun skuter menuju ka-kampung masing², membawa cherita² pergaduhan kaum yang telah berlaku itu. Ketika itu perintah berkurong belum lagi di-ishtiharkan. Dengan chara ini, perasaan bimbang dan marah telah timbul di-kawasan lain, seperti Kampung Pandan, Kampung Datok Keramat, Kampung Kerinchi, Kampung Lembah Jaya, Kawasan Melayu dan Kampung Haji Abdullah Hukum. Kebimbangan ini juga terdapat di-kawasan² orang² China. Kira² pada tengah hari 13 Mei, 1969 sudah tersebar khabar² angin yang kencang konon perarakan UMNO itu sa-benar-nya ia-lah kumpulan mengamok. Anggota² Kongsi Gelap kelihatan lebeh sebok daripada biasa. Senjata² seperti parang, lembing, bom botol, besi paip telah di-bagi²kan di-kalangan anggota²-nya di-Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit, Jalan Cheras, Jalan Ipoh, Jalan Pasar, Jalan Campbell, Jalan Bukit Bintang dan lain² kawasan di-Ibu Kota.

Sa-orang penolong pembanchoh ubat bangsa India dari sa-buah kelinik telah terlihat senjata² itu di-bahagi²-kan ketika berjalan kaki hendak balek ka-rumah sejurus sa-lepas pukul 6.00 petang, 13 Mei, 1969. Dalam pertemuan-nya dengan A.S.P. S. Dorairajah dan Pemangku A.S.P. T. Kurugnanam, dia mencheritakan:

"Saya nampak sa-buah bas berwarna merah puteh berhenti di-antara bangunan² flat Jalan Pekeliling dan sa-kumpulan China, dua tiga puloh orang ramai-nya,

membawa batang² kayu dan besi menaiki bas itu sambil di-bantu oleh driver dan kelindan-nya, juga bangsa China. Bas itu berjalan menuju ka-Bulatan Jalan Pekeliling lalu masok ka-Jalan Pahang langsung mengarah ka-Jalan Tuanku Abdul Rahman. Bas itu mungkin dari Sharikat Len Seng yang melalui jalan itu sa-tiap hari."

Jadi, kira² sa-rentak dengan meletus-nya kekachauan di-Kampung Bharu, anggota² kumpulan haram sudah bersedia untuk bertindak, mengepalai serangan² ka-kampung² Melayu dan ka-atas orang² Melayu di-kawasan² yang di-diami ramai orang² China. Pertunjukan pertama wayang gambar di-panggung Rex, di-Jalan Sultan, telah di-hentikan oleh anggota² kumpulan haram yang terus masok ka-dalam panggong itu. Mereka pileh orang² Melayu yang terperangkap di-kalangan para penuntun lalu menyerang mereka. Di-panggung Federal dekat Jalan Chow Kit, anggota² kumpulan haram menunggukan penuntun² Melayu keluar sa-telah pertunjukan yang pertama selesai. Kira² pada pukul 8.23 malam A.S.P. Tham Kong Weng dengan Troop 5C Polis Penchegah Rusohan bertembong dengan kira² 1,000 orang perusoh China yang bersenjata di-kawasan panggong wayang Capitol di-Jalan Raja Laut lalu menyuraikan mereka. Beberapa orang Melayu yang chedera di-situ juga di-selamatkan dan lalu di-hantar ka-rumah sakit.

Di-Kampung Dato Keramat, kawasan di-mana di-dapati banyak orang² Melayu dan berdekatan sekali

dengan Kampong Bharu, berita kachau bilau di-Kampong Bharu itu mula² terdengar pada kira² pukul 7.00 malam, oleh Fan Chon Chuan, sa-orang pekerja benaan yang tinggal di-situ. Dia bertanya sebabnya kepada sa-orang jiran Melayu. Dengan perkataannya sendiri, "Saya di-beritahu itu hanya orang bertumbok. Jiran saya tidak menyuruh saya lari atau bersembunyi." Keadaan di-Kampong itu pada sa'at tersebut ada-lah saperti biasa dan tenteram. Fan Chon Chuan masuk ka-dalam rumah. Tidak lama kemudian sampai-lah berita apa yang sa-benar-nya di-katakan "bertumbok" itu, merebak ka-seluruh kampung. Orang² Melayu di-situ terus mengambil senjata dan berkumpul² di-luar rumah masing² menunggukan kalau² orang² China datang menyerang.

Pada ketika itu, sa-orang memekek²kan bahawa dia melihat sa-buah land rover penuh dengan lelaki² China dan sa-orang China sedang berlari di-dalam kampung dari sa-belah belakang. Kejar mengejar pun berlaku. Seluruh kampung itu gempar dengan khabar² angin yang China akan datang menyerang. Menurut Fan Chon Chuan, kira² pada pukul 7.30 malam rumah-nya kena bakar. Dia dengan dua belas orang anggota keluarga-nya dapat menyelamatkan diri ka-sabuah perkemahan tentera, di-mana mereka di-beri perlindungan. Ayah-nya, yang sudah tua, mungkin terkorban dalam kebakaran itu.

Pada kira² sa'at yang sama, sa-orang mekanik bangsa China sedang membaiki Talivishen di-sabuah rumah

kepunyaan sa-orang anggota Pancharagam Polis di-Raja Malaysia, tidak jauh dari situ. Sa-telah keadaan agak kendor pada hari esok-nya, dia di-beri pakaian sa-bagai sa-orang Melayu, lengkap bersongkok, dan di-seludupkan keluar ka-Polis Depoh.

Di-Kampong Pandan kira² pada pukul 7.00 malam beberapa orang pemuda Melayu datang dengan sa-buah motokar dan dua buah motosikal lalu masuk ka-dalam kampung dan memekek²kan kepada semua orang supaya masuk ka-dalam rumah dan menutup pintu dan tingkap kerana, "orang² kita telah terkorban di-Kampong Bharu." Kira² 20 minit kemudian sa-buah rumah kedai mula di-bakar. Menurut Inspektor Polis Mohd. Hatta, sedang dia berada di-Pengkalan Polis Kampong Pandan kira² pada pukul 7.30 malam, sa-buah bas Sharikat Thoong Fong keluar dari Kampong Pandan Dalam. Dia pun menahan-nya lalu menyuruh derebar dan kelindan serta dua orang penumpang, semua-nya bangsa China, masuk ka-dalam pengkalan itu. Sa-puluh minit kemudian sa-buah bas lagi muncul dari Kampong Pandan Dalam. Dia chuba menahan-nya tetapi bas itu berjalan terus sa-jauh kira² empat ratus ela lagi di-mana ia di-tahan oleh sa-kumpulan pemuda yang kemudian-nya membakar bas itu.

ENAMBELAS

KHABAR-ANGIN DAN YANG TAK DI-SANGKA

Sungguh pun hingga 3.30 petang 13 Mei Ibu Pejabat Polis Selangor ada mendengar khabar² angin bahawa kekachauan mungkin berlaku, tetapi kenyataan² yang ada menunjukkan bahawa perarakan itu akan berjalan dengan terator melainkan jika di-serang. Khabar² angin itu juga membayangkan kemungkinan perarakan tersebut di-serang oleh pehak² tertentu China di-Jalan Chow Kit dan Kawasan Medan Sulaiman (Sulaiman Court). Polis menjangka kekachauan, kalau pun benar² berlaku, akan hanya terjadi sekira-nya perarakan tersebut di-serang, itu pun hanya sa-telah perarakan itu keluar dari Jalan Raja Muda pada pukul 7.30 malam. Oleh itu penempatan anggota² Polis telah di-ator bagi menchegeh serangan ka-atas atau oleh perarakan itu sa-lepas pukul 7.30 malam di-kawasan² yang mudah tersinggong. Dengan suasana ini ada-lah di-jangkakan perarakan itu akan selesai tanpa apa² kejadian burok, dengan sharat kawalan Polis yang lengkap di-tempatkan sa-belum pukul 7.30 petang.

Menjelang pukul 7.00 petang, sa-tengah jam sa-belum perarakan itu di-jadualkan bermula, Pasokan Simpanan Polis Persekutuan (Federal Reserve Unit) telah di-tempatkan di-kawasan² ini. Satu pasokan di-tempatkan

di-simpang Jalan Tuanku Abdul Rahman/Jalan Chow Kit. Pada pukul 6.35 petang, sa-telah melintasi rumah Menteri Besar pada pukul 6.30 petang pasokan itu mendapati tidak ada apa² kekachauan di-situ pada ketika itu. Satu pasokan lagi sampai di-rumah Menteri Besar pada pukul 6.50 petang dan mendapati 3 orang telah mati di-Jalan Raja Muda. Satu pasokan lagi telah di-gerakkan ka-kawasan Jalan Bukit Bintang dan dua yang lain bersiap sedia di-Depoh Polis, yang berhampiran. Tiap² pasokan mengandongi 40% Pegawai China dan 60% bukan China.

Enam Kenderaan Polis Bergerak telah berjaga, satu di-Leboh Raya Foch, satu di-Bulatan Raja Muda, satu di-Kampung Bharu, satu di-Kampung Pandan, satu di-Pudu dan satu di-kawasan Jalan Pekeliling/Jalan Pahang. Sa-lain daripada itu sepuluh pasokan penchegeh kechil Polis (Police light strike forces) ber-kenderaan telah bergerak, tiga di-kawasan Jalan Bandar, dua di-kawasan Pudu/Cheras, dua di-kawasan Jalan Campbell, satu di-kawasan Jalan Pekeliling dan dua di-kawasan Brickfields. Ada-lah di-anggarkan dengan ada-nya pasokan² tersebut berkawal di-kawasan² itu dari pukul 7.00 malam, tidak akan ada siapa² yang berani menyerang perarakan itu atau orang² dalam perarakan itu memulakan pergadohan. **Malang-nya kekachauan yang pertama meletus di-luar kawasan yang di-jangkakan dan lama sa-belum masa yang di-duga.**

Keputusan Polis tidak membatalkan kebenaran yang telah di-beri supaya UMNO meneruskan juga perarakan kemenangan-nya bukan-lah keputusan yang dibuat dengan mudah. Tiga alasan besar telah di-pertimbangkan. DAP dan Gerakan kedua²-nya telah pun mengadakan perarakan masing², yang berizin dan yang tanpa izin, dari 11hb sampai 12hb Mei, 1969 membawakan kapada pagi² 13 Mei. Kedua-nya perasaan orang² Melayu di-Ibu Negara, akibat perbagai chachian perkauman sa-lama dua hari, makin memunchak, dan jika kebenaran tersebut di-batalkan sudah tentu kekachauan kaum akan meletus. Akhir sa-kali, ada-lah di-fikirkan bahawa jaminan yang sa-baik²-nya untuk menchiegah kekachauan ia-lah membenar di-adakan perarakan yang terjaga dengan rapi.

Apabila kekachauan berlaku, Polis bertindak dengan serta-merta. Sa-tiap anggota yang ada telah di-panggil, di-beri arahan dan di-tentukan tempat bertugas, termasuk kakitangan Markas Polis Persekutuan dan Depoh Persekutuan. Kawalan di-Depoh di-tugaskan kapada rekrut² dalam latehan yang menggantikan pengawal² biasa berpengalaman yang di-gerakkan ka-tempat lain. Malahan anggota² pancharagam Polis di-Raja pun di-beri senjata untuk menjaga ketenteraman awam dan di-kejarkan ka-tempat² kekachauan berlaku. Tetapi oleh kerana kejadian² itu berselerak di-beberapa bahagian Kuala Lumpur, maka pasokan Polis yang di-gerakkan di-beberapa tempat tidak-lah

besar, terutama-nya sa-belum askar² di-hantar ka-kawasan yang mudah tersinggong pada pukul 10.00 malam dan sa-belum ketibaan bantuan Polis dari Ipoh pada suboh² 14hb Mei. Sa-bahagian besar daripada mana² tenaga Polis yang ada telah di-gunakan untuk kerja² menyelamat, mengiring orang² yang terkandas di-kawasan² yang mudah tersinggong dan mengawal peralatan² penting supaya tidak di-khianati. Sa-ribu satu macham kerja peri kemanusiaan telah di-jalankan, dan ini juga membatasi usaha² untuk menyekat keganasan yang sedang berleluasa. Pergerakan Polis menghadapi perusoh² dan melindungi penduduk² tidak mudah dengan halangan² jalan yang di-dirikan oleh setengah orang² China di-beberapa kawasan bandar, sama-ada kawasan yang terlibat atau tidak terlibat dan dengan sikap permusohan yang di-ambil pada mulanya oleh sa-tengah² kumpulan orang² China terhadap Polis—ia-itu suatu sikap yang di-pupok oleh ahli² politik pembangkang bukan Melayu yang tidak bertanggung-jawab dalam masa kempen² pilihanraya yang lama itu.

Berdasarkan pada anggaran Polis markas Garrison Tentera di-Kuala Lumpur (yang bertanggung-jawab bagi keselamatan di-Ibu Negara) telah di-beri perintah bersedia sejak pukul 3.30 petang. Pemerintah battalion-nya mula² mendapat berita tentang kekachauan² itu dan memberitahu tentang keadaan keselamatan yang merbahaya di-Kuala Lumpur pada pukul 6.47 petang. Perintah berkurong di-kuatkuasakan mula² pukul 8.00

malam. Di-sebabkan keadaan sudah sa-bagitu burok, pehak tentera terpaksa di-panggil membantu. Kebeneran membolehkan tentera di-gunakan telah di-beri sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Sa-telah menerima panggilan, pehak tentera mula²-nya menghantar satu kompeni askar Melayu di-Raja untok bertugas menjaga tiga sekatan jalan. Mereka tidak menjalankan apa² tugas bergerak menjaga ketenteraman. Kemudian, satu kompeni lagi di-hantar. Dalam perjalanan-nya kompeni ini terpaksa bertindak membebaskan Balai Polis Salak South daripada sa-kumpulan besar orang² China bersenjata dan chuba hendak menawan-nya. Sa-telah membebaskan Balai Polis tersebut daripada kepongan, dan dengan ketibaan bantuan Polis, satu pasokan kechil Kompeni ini telah di-arahkan ka-lorong Pudu untok menyelamatkan satu pasokan kechil Penchegah Polis Rusohan yang sedang di-serang oleh sa-gerombolan besar orang² China. Gerombolan itu enggan bersurai sa-hingga terpaksa di-lepaskan tembakan ka-arrah mereka.

Sementara itu kawasan² Kampong Bharu dan Jalan Chow Kit sudah mula tidak dapat di-kawal dan tentera telah di-panggil menolong Polis memulehkan keadaan. Pada mula-nya, satu Kompeni telah di-hantar ka-kawasan tersebut pada kira² pukul 10.00 malam. Sa-baik sahaja sampai Kompeni itu terus mengenakan sekatan² jalan di-simpang Jalan Hale dan Jalan Raja Muda dan di-Bulatan Raja Muda. Ketika mereka tiba

di-kawasan itu rumah² kedai dan kenderaan² yang terbalek sedang marak di-jilat api. Di-sana sini kelihatan mayat dan orang yang chedera bergelimpangan. Satu pasokan kechil daripada-nya telah di-perentahkan menyiasat di-kawasan Jalan Perkins di-mana kumpulan² orang Melayu dan China di-beritakan akan bertempur. Pasokan tersebut telah dapat memujuk orang² Melayu itu supaya jangan keluar dari kampong mereka tetapi kumpulan orang² China menjadi makin berang. Sa-orang China kelihatan menembak dengan senapang patah. Pasokan tentera itu tidak ada pilihan lain kechuali melepaskan tembakan. Tindakan ini dilakukan sa-telah mereka memberi amaran berulang² kali menyuroh kumpulan orang² China itu bersurai. Dalam kejadian ini, pehak tentera telah mengakibatkan kemalangan jiwa yang paling banyak, 11 orang terbunuh, dalam seluroh peristiwa kekachauan. Kejadian ini berlaku pada pukul 12.15 tengah malam 14hb Mei. Dalam beberapa hari sa-lepas itu pehak polis ada juga terpaksa melepaskan tembakan menyebabkan kechederaan tetapi tindakan² mereka itu ia-lah terhadap penembak² pukul churi dan pengancham² yang melanggar perintah berkurong, sa-tiap kali melibatkan satu dua orang. Dalam semua tindakan demikian orang² yang chedera telah di-hantar ka-rumah sakit dan perkara itu di-laporkan kepada Polis. Jumlah orang² yang di-ketahui terkorban oleh tindakan tentera ia-lah empat puloh satu, termasuk yang terbunuh dan chedera.

Keadaan di-Ibu Negara ketika itu sudah sa-makin sukar hendak di-kawal dan untok menghadapi-nya dengan berkesan telah di-buat keputusan supaya bandar itu di-bahagikan kepada dua bahagian; satu kawasan di-Timor Sungei Gombak termasuk kawasan² seperti Kampong Bharu, Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman, telah di-letakkan di-bawah tanggung-jawab tentera manakala bahagian yang satu lagi, di-Barat Sungei Gombak di-serahkan kepada Polis. Lebih banyak bantuan tenaga polis dan tentera telah di-bawa ka-Kuala Lumpur dari luar. Sa-lain daripada memisahkan perusoh² dan menguatkuasakan perintah berkurong, pasukan² keselamatan juga terpaksa menchegeh tembakan² churi (snipers). Beberapa kali, peronda² tentera telah di-tembak oleh kumpulan² China yang bersenjata senapang patah dan pistol. Di-luar Kampong Dato' Keramat umpama-nya, satu pasukan peronda² tentera telah di-tembak oleh sa-kumpulan China; pasukan tersebut membalas tembak mengakibatkan sa-orang terbunuh dan yang lain-nya lari. Sa-bilah parang dan beberapa biji peluru senapang patah telah di-jumpa².

TUJOHBELAS

GERAKAN BERSAMA

Pihak² tentera dan Polis telah menjalankan kesemua-nya tiga puluh tiga gerakan bersama untok memburu anggota² kongsi gelap, samseng, penjahat dan lain² anasir yang tidak di-kehendaki daripada tempat² persembunyian. Sa-bagai hasil-nya lebih daripada 2,000 orang telah di-tangkap oleh polis. Tiga kali dalam gerakan² bersama tersebut pihak tentera terpaksa menembak untok menahan pengachau² yang chuba lari dari kepongan.

Dalam masa itu, lebih daripada 300 keluarga China dari kawasan² sensitif Dato' Keramat dan Jalan Raja Muda telah di-bantu oleh tentera berpindah ka-pusat² orang pindahan di-Stadium Merdeka dan Tiong Nam Settlement.

Bila perintah berkurong di-kenakan, setiap orang diperintah jangan berada di-jalan² raya dan tinggal di-dalam rumah. Arahan ini di-kenakan di-semua kawasan melainkan Kampong Bharu, sebab-nya ia-lah kerana beribu² orang dari luar ibu kota telah datang ka-kawasan itu untok mengambil bahagian dalam perarakan yang di-chadangkan dan oleh kerana ada banyak orang² yang menchari perlindungan di-situ dari kawasan² di-sekeliling. Sejumlah besar dari mereka tidak dapat di-tempatkan di-rumah² dan masjid Kampong Bharu. Hanya ada satu jalan sahaja untok

mengatasi masalah ini ia-itu dengan memagar Kampong Bharu dan mensifatkan-nya sa-bagai satu kawasan berkurong yang besar.

Bila sahaja ada kenderaan, Polis dan Tentera telah menghantar sa-kumpulan daripada mereka yang bukan penduduk tempatan ka-Kampong masing². Ini telah di-salah tafsirkan sa-bagai persahabatan antara Polis dan Tentera dengan perusoh² Melayu.

Di-samping membantu pehak polis di-dalam memulehkan undang² dan keamanan, Pasokan Tentera di-panggil juga untuk membuat kerja² lain, menolong dalam pentadbiran awam dan mengekalkan perkhidmatan² penting. Mithal-nya pasokan khas Jurutera Malaysia dari Askar Wataniah telah di-arah untuk menolong pehak² berkuasa awam menjalankan perkhidmatan ayer dan api dengan lichin-nya di-Ibu Kota.

Di-Pelabohan Swettenham pekerjaan telah lumpoh tetapi dapat bergerak semula dengan pertolongan Unit Pelabohan dan Jurutera Malaysia dan Tentera Laut di-Raja Malaysia. Unit Keretapi telah datang menolong Keretapi Tanah Melayu yang hampir² tidak bergerak lagi semasa dua hari pertama kekachauan bermula. Tentera Udara di-Raja Malaysia, di-samping membuat pengawasan terus menerus dari udara di-tempat² yang mudah tersinggong, mengangkut bantuan tentera dan polis dari Kota Bharu dan Ipoh ka-Kuala Lumpur.

Perbandaran Kuala Lumpur telah di-bantu oleh Jurutera Malaysia untuk membersehhkan jalan dari sampah sarap kenderaan yang terbakar.

Sa-bahagian daripada Kompeni Ambulan Luar Pasokan Tentera di-tempatkan di-Rumah Sakit Umum Kuala Lumpur untuk melayani mangsa² kekachauan. Tentera juga memberi perlindungan kepada 4,113 orang pelarian dari semua bangsa di-beberapa kem tentera.

Pasokan² Keselamatan telah di-kenakan arahan paling ketat untuk memulehkan undang² dan keamanan dengan adil. Ini di-lakukan oleh mereka dengan penoh kejayaan.

LAPANBELAS

LAPORAN MELING DAN APA YANG SA-BENAR-NYA

Sekalipun kekachauan ini bertukar chorak menjadi pergaduhan kaum di-antara orang² Melayu dan orang China, pasokan² keselamatan yang sachara kebetulan kebanyakan-nya terdiri dari orang² Melayu bertindak dengan berdisplin dan sabar. Dalam usaha² memulehkan dengan segera undang² dan keamanan, dan untuk menghalang kekachauan dari merebak, mungkin telah berlaku kejadian² di-mana anggota yang tidak bersalah di-layan dengan kasar. Tetapi, dalam keadaan saperti ini, perbuatan itu tidak-lah dapat di-elakkan.

Sakira-nya anggota² pasokan keselamatan telah berlaku berat sa-belah atas dasar perkauman saperti yang di-tudoh oleh setengah² pehak, memandangkan kapada bidang kekachauan dan jumlah anggota² pasokan keselamatan yang di-kerahkan ia-itu 2,000 tentera dan 3,600 polis, maka jumlah mangsa² di-kalangan kaum yang di-sifatkan "menjadi sasaran" seharus-nya tentulah amat besar.

Terdapat juga tudohan² mengenai perbuatan menyamun oleh anggota² Pasokan Keselamatan, dan ahli² propaganda perkauman telah menudoh ashkar Melayu di-Raja. Penyelidikan menunjokkan bahawa dari 13 Mei hingga 31 Julai, 1969, hanya 9 orang memberikan laporan tentang perbuatan menyamun yang di-perchayai

di-lakukan oleh ahli² dari Pasokan Keselamatan. Ini ada-lah kejadian² terpenchil yang tidak penting jika di-bandingkan betapa dahshat-nya kekachauan tersebut dan banyak-nya jumlah Pasokan² Keselamatan yang di-tugaskan. Semua pengaduan² tersebut telah di-rujokkan kapada Jabatan Penyelidikan Jenayah, Selangor.

Ada juga khabar² angin dan laporan akhbar asing yang mengatakan bahawa mangsa² rusohan di-tanam beramai² di-kubor² rahsia dan tidak bertanda di-mana mereka tidak dapat di-kenali. Menurut laporan² ini, askar² mabok dan pesakit² kusta di-gunakan sa-bagai penggali kubor. Kenyataan sa-benar-nya ia-lah saperti berikut; Kebanyakan dari mayat² tidak di-serahkan kapada saudara-mara mereka untuk di-kebumikan kerana sukar-nya mengenali mereka, keadaan mereka yang kotor dan reput, keperluan untuk pembedahan mayat yang memakan masa yang lama, chap² jari, penggambaran, meletakkan tanda dan lain² chara pengenalan, dan juga lebeh mustahak pertimbangan supaya tidak bertambah semarak lagi api perkauman. Tetapi polis dan pegawai² rumah sakit berusaha mendapatkan pengenalan dan membuat chatetan² mayat² itu dan menanam-nya untuk membolehkan saudara mara dan sahabat² untuk menggali balek mayat tersebut untuk di-kebumikan semula, atau sekurang²-nya mengetahui di-mana mereka di-kebumikan. Untuk tujuan ini mayat² ada-lah di-tanam dengan tanda² pengenalan di-atas mereka dengan memberikan selengkap² pengenalan yang boleh. Satu ratus dua orang yang di-perchayai

bukan Islam telah di-kenali, di-tanam berasing² dengan pengenalan² di-atas kubor mereka di-Sungai Buloh pada 18, 20, 21 dan 22 Mei. Tidak ada chara untuk mengetahui keperchayaan atau ugama mereka. Lapan belas orang yang boleh di-kenali sa-bagai orang Islam, tidak kira dari kaum apa, telah di-tanam di-Gombak pada 18hb Mei. Pada 2 Jun, satu lagi mayat telah di-jumpai dan di-bawa ka-Sungai Buloh untuk di-tanam. Lapan mayat yang di-kenali, yang di-bawa dari kawasan yang tidak mudah tersinggong telah di-serahkan kepada saudara mara mereka untuk di-tanam.

Pemilihan tempat pengkebumian telah di-buat oleh pehak Kementerian Kesihatan atas dasar kurang-nya kejadian² berlaku di-kawasan² tersebut. Pengkebumian orang² Islam dan orang² bukan Islam di-lakukan oleh atendan Rumah sakit umum, pekerja sukarela dari Rumah sakit Kusta Sungai Buloh, Buroh² Melayu dan Estate Kelapa Bali Sungai Buloh dan boroh Munisipal. Mereka di-sediakan oleh Ketua Inspektor Polis Phang Lian Tuck atau Ketua Inspektor Polis Shamsuddin yang membawa mayat itu dari rumah² mayat dengan terak polis. Tidak dapat satu ketika pun di-mana askar² terlibat, saperti askar² mabok sa-bagaimana yang di-tudoh. Dalam satu kejadian, menurut Enche' Kok How Wah, sa-orang steward keselamatan di-Rumah Sakit Kusta Sungai Buloh, tiga orang pensharah dan sa-belas mahasiswa Universiti Malaya turut membantu dalam

pengkebumian itu. Enche' Kok How Wah ada-lah bertanggung-jawab mendapatkan boroh² untuk pengkebumian di-Sungai Buloh.

Terdapat juga taksiran yang menyatakan bahawa sekurang²-nya dua ribu orang telah terbunuh dalam kekachauan itu. Angka yang di-perbesarkan mungkin di-sebabkan oleh khabar² angin yang tidak berasas dan juga di-dasarkan dari jumlah pertanyaan tentang orang² hilang. Dalam perkara orang² yang hilang, banyak dari-nya di-buat berkali² dengan erti kata lebeh dari satu laporan di-kemukakan oleh saudara mara dan sahabat untuk sa-orang yang hilang. (*Lihat Lampiran untuk angka² berhubong dengan kekachauan di-bahagian akhir laporan ini*).

SEMBILANBELAS

AKHBAR² ASING DAN PENGIKUT² MAO

Parti Komunis Malaya, yang tidak pernah lambat dalam mengambil satu² kesempatan, sedang menarek bakat² baru dan mendapatkan sokongan daripada golongan penduduk² orang China yang tidak puas hati terutama daripada golongan China yang telah menderita akibat daripada kekachauan yang baru berlaku itu. Sementara kaum wanita yang tua² dan kanak² berpuashati dengan usaha² kebajikan dan pertolongan yang telah di-berikan oleh Kerajaan dan badan² sukarela, bakat² muda belia² pula telah di-rayu oleh anggota² Komunis untuk bergerak di-bawah tanah. Kekachauan yang baru berlaku itu di-umpamakan sa-olah² orang² Melayu sahaja yang membunuh orang² China.

Orang² Komunis ini juga dapat menggunakan berita² liar oleh sa-tengah² akhbar² luar untuk kepentingan mereka. Alat penerangan dengan sa-chara tidak langsung menolong golongan² Mao ini dalam rancangan jangka-panjang mereka untuk memecah-belahkan perpaduan kaum dalam negara ini.

Sa-tengah² alat² penerangan asing ini, terutama penerbitan² British dan Amerika dengan sa-chara tidak langsung menolong golongan Mao melalui berita² mereka yang berat sa-belah dan ini membawakan akibat² yang amat burok terhadap orang² Malaysia dari

keturunan China. Berita² yang terkandung dalam sa-tengah² akhbar² asing dengan jelas menampakkan bahawa ia di-dasarkan daripada khabar² angin dan bukan berdasarkan kenyataan. Faktor ini mungkin di-sebabkan sa-bahagian-nya oleh kekurangan keterangan² pada awal kekachauan itu. Tetapi memang tidak dapat di-nafikan bahawa sa-tengah² wartawan² asing menerima sahaja tuduhan² liar daripada sa-tengah² kaum sa-bagai kenyataan. Sa-lain daripada berita² yang mudah menarek minat pembacha², sa-tengah² gambar² yang di-tunjukkan ada-lah memberikan gambaran yang salah. Mithal-nya satu gambar yang menunjukkan ahli pasokan keselamatan dengan orang² Melayu yang bersenjata dekat masjid Jalan Hale di-ertikan sa-bagai persefahaman antara pihak Tentera dengan perusoh². Padahal kenyataan yang sa-benar-nya ia-lah ashkar² itu telah berjaya mengepong perusoh² itu; gambar² itu di-ambil sa-belum perusoh² itu di-rampas senjata-nya dan di-hantar ka-kampong masing². Jikalau-lah mereka di-pengapakan atau di-tembak di-pekarangan masjid itu, terutama apabila mereka tidak memberi sa-barang tentangan terhadap pasokan keselamatan, suatu rusohan ugama akan meletus di-seluruh negara, dengan akibat² yang terlalu burok untuk di-renongkan.

Sa-tengah² akhbar asing juga memberikan gambaran bahawa orang China ada-lah golongan minoriti yang tertindas. Ini hanya menolong menyumbangkan perasaan tidak senang hati dan churiga di-kalangan orang²

China di-Malaysia. Pada tempat²-nya ini amat rapat perhubungan-nya dengan pergadohan China/Melayu di-Singapura yang meletus sa-lepas pergadohan 13 Mei itu. Bukan sahaja keadaan yang sa-benar-nya tidak di-beri di-dalam sa-tengah² berita, tetapi berita² itu juga dengan sengaja mengeneipikan unsur² penerimaan yang telah di-perolehi oleh orang² China daripada orang² Melayu. Sa-lain daripada akibat² yang tidak baik ke-atas perhubungan² kaum di-Malaysia, berita² yang tidak jujur ini juga dengan senang boleh membawa perselisihan faham antara Malaysia dan sa-tengah² kuasa² asing. Keadaan ini telah dapat di-tentang melalui usaha diplomasi yang bersunggo²h dan juga melalui kerjasama dan persefahaman kedutaan² negara² sahabat di-Kuala Lumpur.

Bahagian Tiga

TUGAS MASA DEPAN

DUAPULOH

HALANGAN²

(i) *Majlis Gerakan Negara*

Majlis Gerakan Negara di-tubuhkan untuk mengendalikan keadaan Dharurat Negara dan untuk mengembalikan negara ini kepada keadaan sedia-kala.

Pada asas-nya, tugas²-nya ia-lah:

- (a) Untuk mengembalikan keamanan dan undang²,
- (b) Untuk menentukan pentadbiran yang lichen dalam negara ini,
- (c) Untuk mengembalikan harmoni dan keperchayaan antara kaum dalam negara ini.

Tugas² pertama dan kedua boleh-lah di-katakan telah berhasil. Tugas yang ketiga, ia-itu tugas untuk mengembalikan harmoni dan saling perchaya memperchaya² ada-lah suatu proses jangka-panjang. Soal pengembalian kepada pemerintahan Demokrasi berparlimen tidak akan timbul sa-lagi keadaan harmoni dan berbaik² di-kalangan kaum² dalam negara ini tidak ujud. Sa-lagi perasaan perkauman di-negara ini maseh ujud, perasaan itu boleh, melalui propaganda politik yang tidak

bertanggung-jawab, dengan senang di-ambil kesempatan untuk menimbulkan satu lagi pergaduhan perkauman yang lebih dahshat.

Di-dalam keadaan yang mudah tersinggong sekarang ini, kumpulan² yang boleh menimbulkan kegelisahan perkauman ia-lah ejen² Mao, kumpulan² sulit dan anasir² puak² pelampau. Sa-takat ini, ejen² Mao telah mengundorkan diri dari bergerak di-bawah tanah, tetapi mereka sedang sibok untuk mengambil penyokong² baru dan sedang merancang untuk menunjukkan lebih banyak lagi "tunjok-kekuatan" sa-bagai salah satu daripada tindakan di-dalam rancangan mereka yang akhir untuk merampas kuasa. Oleh itu, mereka² ini merupakan suatu penghalang untuk kita kembali ka-pemerintahan berparlimen.

Kongsi² gelap juga terus-menerus merupakan suatu anchaman. Pada masa² yang lalu kumpulan² ini ujud sa-bagai salah satu struktur dalam masyarakat China, yang mempunyai kuasa² dan memungut wang² pemerasan. Dalam masa kekachauan baru² ini, sa-tengah² kumpulan² haram ini merupakan sa-bagai pelindung atau penyelamat sa-tengah² kawasan China. Dengan itu mereka mendapat sedikit sebanyak penghormatan daripada ahli² masyarakat² di-sasatu kawasan. Kongsi² gelap di-ketahui menggunakan kesempatan sekarang ini untuk mendapatkan keuntungan², sama ada melalui ugutan (saperti mengadakan kumpulan² pengugut,

pemboikotan barang² orang Melayu, dan lain²) atau melalui hasutan, pujokan dan penyebaran khabar angin.

Kumpulan ketiga yang boleh menjadi halangan untuk pengembalian kepada keadaan sedia-kala ia-lah puak² pelampau. Mereka² ini terdapat dalam semua kaum yang besar. Walau pun bilangan mereka² ini kecil mereka mempunyai pengaruh yang besar dan aktif. Mereka mempunyai kebolehan untuk meletuskan kekachauan di-luar golongan mereka, dan merupakan anchaman yang terus-menerus terhadap harmoni antara-kaum di-negara ini di-mana tidak ada satu kaum pun yang merupakan kaum majoriti. Pergerakan mereka tentu akan melemahkan negara ini dan dalam proses ini memberi kesempatan kepada golongan Mao.

Negara ini telah masuk kepada zaman yang samar² dan jangka-masa-nya belum dapat di-tentukan lagi sa-takat ini. Walau pun demikian, negara ini sedang menuju ka-arrah masa depan yang baik di-mana Majlis Gerakan Negara yang di-tubuhkan untuk menjamin kepentingan negara telah mengembalikan perasaan keperchayaan dan kemantapan kepada negara ini. Masa yang panjang ada-lah perlu sa-belum keperchayaan dan kestabilan ini boleh di-lanjutkan menjadi unsur² keharmonian dan perasaan saling menghormati antara satu dengan lain. Di-dalam usaha-nya untuk mengembalikan keharmonian kaum dan untuk membuat penentuan agar keadaan ini kekal sa-bagai suatu asas untuk pengembalian Demokrasi berparlimen, Pengarah

Gerakan Negara mesti-lah menimbangkan beberapa siri norma² di-mana idea² dan aktiviti² politik tidak boleh di-sentuh supaya keharmonian perkauman tidak pada satu ketika pun di-letakkan dalam keadaan yang terancham. Beberapa prinsip² perlu di-bentok dengan matlamat mengekalkan keadaan harmoni di-Malaysia.

DUAPULOH-SATU

ANTARA TIGA JALAN

Negara ini tidak boleh lagi menghadapi satu lagi 13 Mei. Seluruh masa depan negara ini bergantung kepada kejayaan Pengarah Gerakan Negara dalam menjalankan tugas²-nya.

13 Mei, 1969 akan termaktub dalam sejarah negara ini dengan kaitan² atau gambaran² yang gelap. Tarikh itu menjadi lambang satu kenyataan yang penting ia-itu memahami sejarah politik dan perlembagaan dan juga menginsafi perasaan² perkauman ada-lah perlu jika pergaduhan kaum yang mungkin lebih dahshat hendak di-elakkan di-negara ini. Mengeneipkan kenyataan² politik ini akan berma'ana membahayakan ketenteraman dan keteguhan negara ini.

Pada hari ini Demokrasi di-peraktikkan di-banyak negara² dalam dunia. Tetapi tiap negara mesti-lah membuat taksiran mengenai keadaan politik dan social-nya sa-chara realistik dan mengadakan Perlembagaan, Undang² dan peratoran²-nya sendiri. Malaysia mempunyai chiri²-nya yang tersendiri yang berdasarkan sejarah negara dan kedudukan penduduk-nya yang berbilang bangsa. Malaysia mesti-lah menchari jalan untuk menyelesaikan masalah-nya sendiri—ia-itu suatu penyelesaian yang boleh merupakan suatu jaminan

di-mana pada masa² yang kehadapan perasaan² perkauman tidak akan di-chabar oleh proses² demokrasi, mithal-nya oleh kempen pilehanraya.

Ada tiga kemungkinan yang sedang di-hadapi oleh negara ini:

- (i) berdiam diri dan membenarkan permusohan kaum menjadi semakin burok dan akhir-nya menjahanamkan negara ini;
- (ii) kembali kepada keadaan sa-belum Perlembagaan 1948, atau
- (iii) mengujudkan satu chara penyelesaian yang boleh menjadi formula yang positif di-mana kehendak² rakyat boleh di-chapai melalui keharmonian kaum dan perasaan muhibbah.

Kemungkinan yang pertama, ia-itu dengan jalan mendiamkan diri sa-chara pasif, ada-lah tidak bertanggung-jawab.

Kemungkinan yang kedua, ia-itu untuk kembali kepada keadaan sa-belum 1948 ada-lah merupakan langkah² ka-belakang yang mundur.

Oleh itu, kemungkinan yang paling lojik ia-lah mengikuti haluan saperti (iii) di-atas.

DUAPULOH-DUA

DEMOKRASI BERPERLEMBAGAAN DAN KEPERIBADIAN NASIONAL

Perlembagaan sa-suatu negara menjalankan tiga fungsi, ia-itu pertama, ia menunjokkan hasrat di-mana rakyat sendiri mengujudkan negara itu; kedua-nya ia menentukan bentok sa-suatu kerajaan; dan akhir-nya ia memberi kuasa di-samping menghadkan kuasa ini bagi sa-suatu kerajaan; Sunggoh pun suatu Perlembagaan itu merupakan undang² asasi sa-suatu negara, sa-tengah² peruntokan dalam Perlembagaan itu ada-lah lebeh asasi daripada yang lain dan oleh itu, mempunyai kedudukan yang mutlak. Merojok kepada Perlembagaan Malaysia, peruntokan² yang di-maksudkan itu termasuk-lah:

- (i) *Seluruh Bab III* ia-itu perkara² mengenai kewarganegaraan dan meskipun sa-lepas pengishtihsaran Dharurat peruntokan dalam Perkara 150 (6A) Bab ini, tidak boleh di-gantong atau di-pinda;
- (ii) *Perkara 71* memberi jaminan bahawa kerajaan Persekutuan mesti-lah menjaga Perlembagaan tiap² negeri dan juga hak² dan kuasa² Raja² Melayu;

- (iii) *Perkara 152* yang menetapkan bahawa Bahasa Melayu Kebangsaan Negara ini yang akhir-nya akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal;
- (iv) *Perkara 153* yang menentukan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindongi kedudukan istimewa orang² Melayu dan kepentingan² asas kaum² lain mengikut peruntukan perkara itu;
- (v) *Perkara 159* yang menetapkan, antara lain, bahawa sa-barang perubahan kapada peruntukan mengenai Raja² Melayu (*Perkara 38, 70 dan 71*) dan terhadap kedudukan istimewa orang² Melayu (*Perkara 153*) tidak akan di-luluskan tanpa persetujuan Majlis Raja².

Untuk memahami tentang betapa penting-nya peruntukan² "mutlak" ini dalam Perlembagaan Malaysia dari segi politik, sa-saorang itu harus menyelami sejarah dan asal-usul Perlembagaan itu.

Sa-sudah orang² Melayu menolak Ranchangan MacMichael dahulu, satu Jawatan-kuasa Kerja telah di-lantek dalam tahun 1946 dengan persetujuan antara Gabnor Malayan Union pada satu pihak dan

Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu serta Wakil² UMNO pada pihak yang lain. Jawatan-kuasa kerja itu telah di-ingatkan bahawa soal kewarganegaraan mesti-lah di-fahami berasaskan bahawa Setia-usaha Negara "telah menerima dasar bahawa kedudukan istimewa orang² Melayu akan di-pertahankan". Jawatan-kuasa itu juga telah di-ingatkan bahawa orang² Melayu tidak ada mempunyai negeri lain sementara penduduk² lain kebanyakan-nya maseh mempunyai pertalian dengan negeri² asal-nya dan kebanyakan dari mereka maseh menumpukan ta'at setia mereka kapada negeri asal mereka dan bukan kapada Malaya.

Walau bagaimana pun, Jawatan-kuasa yang Kedua telah di-tubuhkan dalam tahun 1946 untuk mengkaji chadangan² Jawatan-kuasa yang Pertama dan juga untuk memastikan agar "semua kaum yang terlibat dalam Malaya mempunyai peluang² yang chukop dan bebas untuk mengeluarkan pendapat² mereka". Jawatan-kuasa ini mengadakan banyak perjumpaan² dengan ra'ayat dan telah menerima 81 memorandum kesemua-nya daripada kesemua kaum² dalam negeri ini. Ada-lah penting untuk mengetahui bahawa kebanyakan orang² bukan Melayu, sa-bagai yang dinyatakan dalam memoranda masing², tidak pernah

menyoal kedudukan istimewa orang² Melayu atau pun kuasa Raja² Melayu.

Peruntukan memberikan kewarganegaraan kepada orang² bukan Melayu telah di-buat pertama kali-nya di-dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948. Peruntukan ini telah di-luaskan lagi dalam Ordinan 1952 yang membuat beberapa perubahan terhadap Perjanjian tahun 1948 itu. Satu lagi tarikh penting dalam sejarah kewarganegaraan negara ini ia-lah Perlembagaan Merdeka tahun 1957. Satu Jawatan-kuasa telah di-lantek untuk tujuan ini dengan Lord Reid sa-bagai Pengerusi. Ka-semua-nya, Jawatan-kuasa itu telah mengadakan 118 kali meshuarat di-Malaya di-samping mengadakan banyak lagi pertemuan² yang tidak resmi. Kebanyakan daripada perakuan² Jawatan-kuasa ini ada-lah terkandung dalam Perlembagaan Merdeka tahun itu. Peluang yang lebih luas lagi telah di-buka dengan ujud-nya Perkara 14 (1) (d) yang memberi kewarganegaraan dengan kuatkuasa undang² kepada "tiap² orang di-dalam Persekutuan yang lahir pada atau sa-lepas Hari Merdeka. Pada Hari Malaysia peruntukan ini telah di-pinda kepada "sa-tiap² orang yang lahir dalam Persekutuan pada atau sa-lepas Hari Merdeka 1957 dan sa-belum bulan Oktober, 1962." Ini telah di-persetujui oleh orang² Melayu sa-bagai satu tolak

ansor di-atas kapada penerimaan orang² bukan Melayu terhadap kedudukan istimewa orang² Melayu dan juga tugas khas Kerajaan untuk melindungi peruntukan itu sementara menjaga kepentingan² asasi bangsa² lain,

Peruntukan "mutlak" dalam Perlembagaan itu ada-lah hasil daripada persetujuan semua kaum² dalam negara ini. Ia-nya ada-lah hasil daripada rundingan² dan tolak-ansor. Ia-nya merupakan satu perjanjian yang terpenting di-antara bangsa² atau kaum² dalam negara ini; dan ia-nya merupakan batu-asas di-mana struktur perlembagaan saperti hak² asasi, jentera Kerajaan dan banyak lagi peruntukan² lain, di-dasarkan. Jika peruntukan² mutlak ini di-kikis dan di-lemahkan, keseluruhan struktur Perlembagaan itu ada-lah dalam bahaya, dan bersama²-nya, kewujudan negara ini seluruh-nya. Satu daripada sebab² terjadi-nya kekacauan 13 Mei ia-lah kerana ujud-nya sikap yang tidak memahami peruntukan² yang mutlak itu dan menunjukkan sikap yang tidak bertanggung-jawab terhadap-nya. Mereka² yang perchayakan tradisi demokrasi chenderong untuk berfikir di-atas dasar kebebasan politik yang asasi, kebebasan bertutor, kebebasan berkumpol dan kebebasan menubuhkan persatuan². Keperchayaan ini walau bagaimana pun tidak pernah menyokong teori di-mana sa-orang itu di-benarkan

untuk membuat pengkhianatan dan hasutan dan lain² sa-umpama-nya seperti tujuan untuk menghapuskan atau menggulingkan Kerajaan berperlembagaan melalui kekerasan, tipu-daya atau pun tindakan jahat.

Ada-lah di-fikirkan bahawa untuk menyelesaikan masalaah² perkauman dalam negara ini kita boleh mengikuti chara² yang berikut ini. Warganegara² negara ini, terutama mereka² yang menjadi warga-negara melalui peruntokan² yang bermula dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, membawa kepada Perlembagaan Kemerdekaan 1957, mestilah memahami peruntokan² yang penting dalam Perlembagaan itu. Rakyat Malaysia, tidak kira asal-usul keturunan-nya, mestilah memahami keadaan dan keistimewaan negara mereka. Garis² panduan akan di-sediakan kelak oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Gerakan Negara yang baru di-tubuhkan itu.

Kedua-nya ada-lah mustahak bagi Kerajaan untuk membuat Undang² di-mana, antara lain, akan menjadi suatu kesalahan kepada sa-tiap orang untuk berkata, menulis atau menchetak perkataan² atau ungkapan² atau membuat sa-barang tindakan yang menyoal sa-barang perkara, hak, status, kedudukan, keistimewaan, ketinggian dan kuasa² yang terkandung atau yang

di-lindungi dalam peruntokan² mutlak dalam Perlembagaan Persekutuan, atau orang² yang ingin menggalakkan perasaan churiga dan permusohan antara kaum² di-negara ini.

Mungkin juga mustahak meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memasukkan Undang² baru disamping mengadakan peruntokan untuk melindungi peruntokan² Perkara 152 (yang berkait dengan Bahasa Kebangsaan dan bahasa² kaum² lain) supaya Perkara ini akan di-letakkan sama penting-nya dengan Perkara 38 (mengenai Majlis Raja² dan fungsi²-nya), Perkara 71 (mengenai jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan² Negeri dan Perkara 153 (mengenai kedudukan orang² Melayu dan kepentingan² asas kaum² lain) di-mana ka-semua-nya tidak boleh di-ubah melainkan sa-telah di-persetujui oleh Majlis Raja² seperti terkandung dalam Perkara 159 (5) Perlembagaan Persekutuan. Keperluan mungkin juga timbul untuk melindungi, seperti di-atas peruntokan² yang mengujudkan sekatan² terhadap mengeluarkan perkataan² dan membuat kelakuan² yang menyoal kandungan² di-dalam Peruntokan² Mutlak dalam Perlembagaan.

Akhir-nya, Perkara 159 (5) dalam Perlembagaan Persekutuan seperti di-katakan di-atas mungkin terpaksa di-lindungi dengan meminda Perlembagaan

Persekutuan dan mengadakan satu peruntukan bahawa perkara itu tidak boleh di-ubah atau di-pinda tanpa persetujuan Majlis Raja². Undang² yang akan diadakan ini akan memberikan asas atau jaminan bahawa proses² demokrasi sa-hari² tidak lagi akan mengungkit² perasaan² perkauman. Proses² ini boleh di-jalankan melalui undang² dan tidak bertentangan dengan unsur² demokrasi.

kan
ba. ter-
ketin
pagaan

95

ANGKA² YANG BERHUBONG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELURUH
NEGARA DARIPADA 13^{hb} MEI HINGGA 31^{hb} JULAI, 1969

1. Kematian, mengikut Kaum (tanda kurong menunjukkan kematian akibat tembakan) seperti pada
30^{hb} Jun, 1969

	Melayu	India	China	Lain ²	Jumlah
Kedah/Perlis	..	—	—	—	—
Pulau Pinang	..	—	1	—	1
Perak	..	1(1)	9(1)	—	11
Selangor	..	22(8)	12(5)	15*(1)	172(48)
Negeri Sembilan	..	—	4	—	4
Melaka	..	1(1)	6	—	7
Johor	..	—	—	—	—
Kelantan	..	—	—	—	—
Trengganu	..	1	—	—	1
Pahang	..	—	—	—	—
JUMLAH	25(10)	13(6)	143(35)	15(1)	196(52)

* Mayat² yang telah repot dan busok yang di-jumpai dalam Sungai Klang dan Lombong².

ANGKA² YANG BERHUBONG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELURUH
NEGARA DARIPADA 13^{hb} MEI HINGGA 31^{hb} JULAI, 1969—(samb.)

2. Chedera akibat Tembakan, mengikut Kaum seperti pada 30^{hb} Jun, 1969

	Melayu	India	China	Lain ²	Jumlah
Kedah/Perlis ..	..	..	..	..	..
Pulau Pinang ..	..	..	..	..	..
Perak ..	..	..	..	..	..
Selangor ..	..	..	..	..	..
Negeri Sembilan ..	37*	17	125	1	180
Melaka ..	..	..	..	..	..
Johor ..	..	..	..	..	..
Kelantan ..	..	..	..	..	..
Trengganu ..	..	..	..	..	..
Pahang ..	..	..	..	..	..
JUMLAH ..	37	17	125	1	180

* Termasuk 3 orang pegawai polis rendah (mata²).

ANGKA² YANG BERHUBONG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELURUH
NEGARA DARIPADA 13^{hb} MEI HINGGA 31^{hb} JULAI, 1969—(samb.)

3. Chedera akibat Senjata² Lain, mengikut Kaum, seperti pada 30^{hb} Jun, 1969

	Melayu	India	China	Lain ²	Jumlah
Kedah/Perlis ..	..	..	..	..	..
Pulau Pinang ..	..	..	..	..	..
Perak ..	..	..	..	..	..
Selangor ..	..	..	..	..	..
Negeri Sembilan ..	82	9	129	15*	235
Melaka ..	..	..	..	..	..
Johor ..	5	..	5	..	10
Kelantan ..	..	..	1	..	1
Trengganu ..	..	..	..	..	..
Pahang ..	..	..	..	..	..
JUMLAH ..	90	9	145	15	259

* Termasuk orang² Serani, Pakistan dan Singapura.

ANGKA² YANG BERHUBUNG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELUROH
NEGARA DARIPADA 13HB MEI HINGGA 31HB JULAI, 1969—(samb.)

4. Angka² Menunjukkan Penangkapan² dan Dakwaan² di-Mahkamah, mengikut Kaum, saperti pada 31hb Julai, 1969

YANG DI-TANGKAP

	Melayu	China	India	Lain ²	Jumlah
Kedah/Perlis ..	100	70	30	9	209
Pulau Pinang ..	166	401	340	11	918
Perak ..	328	1,557	569	11	2,465
Selangor ..	1,008	2,144	797	31	3,980
Negeri Sembilan ..	59	175	64	—	298
Melaka ..	156	325	26	3	510
Johor ..	112	373	27	1	513
Kelantan ..	87	7	1	—	95
Trengganu ..	29	2	—	—	31
Pahang ..	32	72	20	—	124
JUMLAH ..	2,077	5,126	1,874	66	9,143

ANGKA² YANG BERHUBUNG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELUROH
NEGARA DARIPADA 13HB MEI HINGGA 31HB JULAI, 1969—(samb.)

4. Angka² Menunjukkan Penangkapan² dan Dakwaan² di-Mahkamah, mengikut Kaum, saperti pada 31hb Julai, 1969—(samb.)

YANG DI-DAKWA

	Melayu	China	India	Lain ²	Jumlah
Kedah/Perlis ..	23(8)	12(1)	16(12)	3	54
Pulau Pinang ..	119(107)	273(247)	286(284)	9(9)	687
Perak ..	230(214)	1,211(1,196)	438(438)	11(11)	1,890
Selangor ..	549(382)	1,166(904)	657(578)	27(7)	2,399
Negeri Sembilan ..	59(17)	33(32)	30(29)	—	122
Melaka ..	55(23)	95(37)	21(15)	1(1)	162
Johor ..	26	98 ₁	2	—	126
Kelantan ..	42	4	—	—	46
Trengganu ..	17	1	—	—	18
Pahang ..	13	24	20	—	57
JUMLAH ..	1,133(751)	2,907(2,147)	1,470(1,356)	51(28)	5,561(4,552)

PERINGATAN:

- (i) "Lain²" termasuk orang² Serani, Eropah, Pakistan, Thai dan Singapura.
 (ii) Angka² dalam tanda kandungan () menunjukkan orang² yang di-dakwa kerana melangar perintah berkurong dan angka² itu di-masokkan juga dalam angka² yang tidak ada tanda kandungan ().
 (iii) Sa-hingga 31hb Julai, 1969, 382 orang² Melayu, 490 orang² China, 114 orang² India dan 23 orang² lain bangsa telah pun di-dakwa kerana kesalahan selain daripada kesalahan melangar perintah berkurong. Sa-telah pihak polis menjalankan dan menyelesaikan lebih banyak lagi penyiasatan², kebanyakan atau pun mungkin kesemua angka² itu akan bertambah.

ANGKA² YANG BERHUBONG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELUROH
NEGARA DARIPADA 13hb MEI HINGGA 31hb JULAI, 1969—(samb.)

5. Angka yang menunjukkan Mereka² yang akan di-Dakwa di-Mahkamah mengikut Kaum kerana Kesalahan Membunuh dan Membakar, seperti pada 31hb Julai, 1969

	MEMBUNOH			MEMBAKAR		
	Melayu	China	India	Melayu	China	India
Pulau Pinang..	..	..	..	..	..	..
Perak ..	..	1	..	..	..	..
Selangor ..	..	..	..	..	2	..
Negeri Sembilan	..	14	..	..	..	..
Melaka ..	..	2	..	..	6	1
JUMLAH ..	17	4	..	8	1	..

	MEMBUNOH DAN MEMBAKAR			JUMLAH		
	Melayu	China	India	Melayu	China	India
Pulau Pinang..	..	..	..	..	..	..
Perak ..	..	5	..	6	..	6
Selangor ..	..	10	..	12	2	14
Negeri Sembilan	..	..	..	14	..	14
Melaka ..	..	..	..	8	3	11
JUMLAH ..	15	..	..	40	5	45

PERINGATAN:

Kemungkinan angka² ini meningkat sa-telah pehak CID menjalankan dan menyelesaikan penyiasatan ada-lah besar sekali selepas 31hb Julai, 1969.

ANGKA² YANG BERHUBONG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELUROH
NEGARA DARIPADA 13hb MEI HINGGA 31hb JULAI, 1969—(samb.)

6. Senjata² yang di-Rampas sehingga 30hb Jun, 1969 (tidak termasuk Senjata² yang di-Serahkan di-Kepong dan Jinjang) dari orang², mengikut Kaum

	Senjata yang di-rampas			Senjata yang di-rampas			Senjata yang di-rampas		
	China	Melayu	India	China	Melayu	India	Melayu	China	India
Pulau Pinang..	2	2 senapang rifel buatan sendiri	1	1	1	1	1	1	1
Pahang ..	7	4 lembing 2 besi paip 2 batang kayu panjang	..	..	..	..	..	..	..
Negeri Sembilan	40	10 besi paip 5 pedang samurai 12 batang besi 29 senjata ² lain	1	1	1	1	1	1	1
Perak ..	16	1 Pistol Brown- ing .32 6 parang 3 lembing 7 senjata ² lain	1	1	1	1	15	2 kayu gelignite 8 defenator dan fuse 10 buloh running 7 parang 1 keris	..
Selangor ..	258	17 kapak 12 lembing 124 besi paip 22 parang 15 bom ² asid bulb letrik 12 bom ² botol 7 pedang 56 senjata ² lain	74	24 kapak 47 lembing 117 besi paip 47 parang 49 kayu panjang 20 senjata ² lain	178	..	..	..	..
								44 oba senapang patah 47 senjata ² lain	..

ANGKA² YANG BERHUBUNG DENGAN KEADAAN DHARURAT DI-SELURUH
NEGARA DARIPADA 13^{HB} MEI HINGGA 31^{HB} JULAI, 1969—(samb.)

7. Jumlah² Senjata yang di-Serahkan sechara Sukarela

	Melayu			China	India	Jumlah
Selangor	..	..	..	10	72	10 92
Perak	..	..	..	6	6	3 15
	JUMLAH ..	16	78	13	107	

PERINGATAN: Lain² Negeri—TIDAK ADA.